

Bil. 19

**Selasa
22 Ogos 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	[Ruangan 1]
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	[Ruangan 19]
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) 1995	[Ruangan 20]
Jawatankuasa	
Jadual:	
Maksud B. 3 dan B. 7	[Ruangan 21]
Maksud B. 16	[Ruangan 31]
Maksud B. 26	[Ruangan 45]
Maksud B. 34	[Ruangan 58]
UCAPAN PENANGGUHAN:	
Kadar Faedah atas Pinjaman Untuk Kereta Proton Y. B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)	[Ruangan 59]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.1, D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

" Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Bruas).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

" Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., (Pekan).

" Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

- Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M., P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- " Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- " Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.C.D.K., J.M.N. (Silam).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO’ ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DATO’ HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO’ DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO’ DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, DATO’ TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- ” Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO’ ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K.. (Kulim—Bandar Baru).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO’ HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO’ WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- ” Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO’ CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO’ K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO’ DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K.. (Padang Terap).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasik Gelugor).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO’ ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO’ S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, (Besut).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO’ M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO’ MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO’ HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N., (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO’ HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO’ ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K, (Semporna).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- " TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- " TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- " TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, s.s.m. (Jasin).
- " TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- " TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- " TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- " DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- " DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- " TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- " TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- " TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- " TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- " DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- " PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- " TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- " DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- " TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- " TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- " TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- " TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- " TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- " DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- " PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).

Yang Berhormat TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (MERBOK).

- " TUAN FU AH KIW (Mentakab).
- " TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- " DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- " TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- " TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- " TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- " TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- " DATO' HON CHOON KIM (Seremban).
- " TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- " TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- " TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- " DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA (Kapit).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- " TUAN KAMARUDIN BIN Ahmad (Arau).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " DR. L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- " TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- " DR. G. LEELAVATHI (Kapar).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- " TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- " TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- " TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- " DR. MAXIMUS JOHNIFY ONGKILI (Bandau).
- " TUAN MD ISA BIN SABU (Kangar).
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI NIK MOHD AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- " DATO' HAJI MOHD ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF. (Dungun).
- " TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- " TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- " DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- " TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- " DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- " PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- " DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- " DATUK S'NG CHEE HUA, (Julau).

- Yang Berhormat DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- ” PUAN SUKINAM. DOMO (Batang Sadong).
- ” DATO’ HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- ” DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- ” DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- ” TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- ” DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- ” DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- ” TUAN TIONG THAI KING. (Lanang).
- ” TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- ” WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- ” WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- ” TUAN HAJI WAN MOHD JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- ” DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- ” TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- ” DATO’ YAP PIAN HON (Serdang).
- ” DR. YAP YIT THONG (Lumut).
- ” DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- ” TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- ” TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- ” TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- ” DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- ” TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- ” TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- ” DATO’ HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D. P. M. T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha* : Said bin Sidik
- Pmk. Ketua Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan* : Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan* : Azhari bin Hamzah.
- Pelapor Perbahasan Parlimen* : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop. P.P.N.
Haji Suhur bin Husin
- : Haji Saleh bin Mohd. Yusop
- : Hajah Supiah binti Dewak.
- : Hajah Kalsom binti Ghazali.
- : Mohamed bin Osman.
- : Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
- : Zaharah binti Naim.
- : Norwahidah binti Azizi.
- : Rozita binti Abd. Samad.
- : Jainah binti Sakimin.
- : Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat* : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 22hb Ogos 1995

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SUKAN KOMANWEL 1998—
PERSEDIAAN

1. Puan Ainon Khairiyah binti Mohd. Abas minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menghadapi kehadiran ratusan para wartawan dan media asing yang akan datang ke Kuala Lumpur untuk Sukan Komanwel 1997 seperti menyediakan kemudahan media dan fakta-fakta penerangan supaya kita dapat memberi gambaran yang tepat mengenai negara ini kepada dunia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Puan Shahrizat binti Abdul Jalil): Tuan Yang di-Pertua, adalah dijangkakan bahawa Sukan Komanwel 1998 akan menarik ratusan para wartawan asing ke Kuala Lumpur untuk membuat liputan. Selaku tuan rumah, kita bertanggungjawab menyediakan kemudahan-kemudahan

asas yang diperlukan oleh pihak media, baik media cetak mahupun media elektronik.

Untuk maksud media cetak, sebuah 'Main Press Centre', dengan izin akan disediakan oleh pihak pengelola sukan ini iaitu SUKOM Ninety Eight Berhad di Bukit Jalil berdekatan dengan Kompleks Sukan Negara. Pusat ini akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan komunikasi, seperti telefon, faks, komputer dan perisian seperti PC terminal, printer dan sebagainya.

Sementara itu, bagi menampung serta menempatkan media elektronik pula, sebuah 'International Broadcasting Centre', dengan izin, akan dibangunkan di Angkasapuri. Pusat ini akan dilengkapi dengan peralatan-peralatan komunikasi serba moden bagi memastikan kerja-kerja penyaluran maklumat khususnya ke destinasi luar negara dapat dijalankan dengan lancar dan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, suka kami maklumkan di sini bahawa Radio Televisyen Malaysia merupakan salah sebuah agensi kerajaan yang turut terlibat secara langsung dengan persiapan menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998. RTM mempunyai peranan yang penting di dalam menyedia dan menyalurkan maklumat-maklumat yang tepat mengenai negara ini kepada negara-negara luar. Langkah-langkah akan diambil oleh pihak RTM untuk membuat promosi ke atas keupayaan negara dari segi organisasi dan kemudahan-kemudahan untuk menganjurkan acara-acara antarabangsa.

Di antara lain, RTM akan menyalur publisiti mengenai Sukan Komanwel melalui Asia vision yang disiarkan di kalangan negara-negara anggota Asia Pacific Broadcasting Union dan di dalam rancangan Asia Live yang disiarkan di Jepun dan di beberapa ibu negara di Asia. Di samping itu, RTM juga akan mempromosi kejayaan negara di dalam aspek pembangunan serta pertumbuhan ekonomi. Dengan adanya usaha ini, maka adalah diharap masyarakat luar akan memperolehi maklumat yang lebih tepat mengenai negara kita.

MAJLIS PEMBASMIAN KEMISKINAN—PENUBUHAN

2. Tuan Salamon bin Selamat minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilakan Majlis Pembasmian Kemiskinan yang baru diumumkan oleh kerajaan akan ditubuhkan. Apakah langkah-langkah dan inisiatif baru Majlis ini bagi membasmi kemiskinan di Malaysia yang belum dilaksanakan oleh organisasi-organisasi lain yang terlibat dalam program-program pembasmian kemiskinan;
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan Tabung Khas Pembasmian Kemiskinan di peringkat nasional dengan memberi tumpuan kepada penglibatan pihak swasta dan badan-badan korporat; dan
- (c) untuk menggalakkan penyertaan dan sumbangan pihak swasta dan badan-badan

korporat, adakah kerajaan bercadang untuk memberikan inisiatif dalam bentuk pengurangan atau pengecualian cukai kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam program-program pembasmian kemiskinan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Majlis Pembasmian Kemiskinan belum ditubuhkan. Penubuhan Majlis ini tidak perlu dilihat sebagai pengwujudan satu majlis yang formal tetapi lebih merupakan pengwujudan satu bentuk forum di mana semua pihak yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan dapat berbincang secara terbuka atas perkara-perkara yang berkaitan dengan perancangan jangka panjang, strategi-strategi yang boleh membawa kesan yang besar dan pengumpulan idea-idea baru bagi menangani masalah-masalah kemiskinan. Antara lain, forum seperti ini akan melibatkan pegawai-pegawai kerajaan, wakil dari sektor korporat dan badan-badan bukan kerajaan serta ahli-ahli akademik.
- (b) Ya, kerajaan memang ada cadangan untuk mewujudkan satu tabung yang dapat mengumpulkan segala sumbangan kewangan dari pelbagai pihak, terutama daripada sektor korporat dan swasta. Cadangan ini sedang diperincikan oleh Kementerian pembangunan Luar Bandar.

- (c) Untuk menggalakkan penyertaan dan sumbangan pihak swasta dan badan-badan korporat dalam usaha-usaha pembasmian kemiskinan, pengurangan atau pengecualian cukai kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam program-program pembasmian kemiskinan merupakan kaedah yang akan dipertimbangkan oleh kerajaan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Antara masalah yang utama dalam tugas membasmi kemiskinan ini adalah kehadiran begitu banyak sekali jentera-jentera kerajaan dan agensi-agensi yang terlibat untuk mengatasi masalah ini, maka masalah koordinasi timbul. Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini supaya tumpuan dan penyelarasan yang lebih erat dapat dijalankan untuk tugas pembasmian kemiskinan? Kedua, adakah majlis yang diumumkan itu akan mengambil tindakan ini seterusnya?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar bahawa berbagai-bagai agensi kerajaan telah melaksanakan projek membasmi kemiskinan dan adalah perlu untuk mengadakan koordinasi. Oleh itu, majlis yang akan ditubuhkan untuk mengkoordinasikan segala tindakan tersebut.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan Barisan Nasional di Sabah telah mengenal pasti negeri Sabah sebagai salah sebuah negeri di Malaysia yang mempunyai rakyat yang termiskin yang dikatakan lebih kurang 33%. Jadi, soalan saya ialah, apakah tindakan khusus oleh Kementerian untuk

menangani masalah ini supaya mereka tidak akan terus menjadi miskin seperti yang dikatakan?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat atas kesedarannya bahawa masalah kemiskinan di Sabah adalah begitu teruk.

Bagi pihak Kementerian dan kerajaan, kita akan terus melaksanakan berbagai-bagai program membasmi kemiskinan di Sabah. Tetapi yang paling penting adalah untuk menukar sikap rakyat luar bandar, khususnya di Sabah supaya mereka peka dan menerima program-program pembangunan kerajaan. Saya berharap pihak pembangkang dari Sabah, khasnya PBS tidak lagi terus meracuni pendirian atau sikap rakyat di Sabah supaya mereka dapat menerima bantuan kerajaan dengan hati terbuka.

INSURANS KESIHATAN/ TABUNG KHAS KESIHATAN— PELAKSANAAN SKIM

3. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab mengapa Malaysia tidak boleh memperkenalkan satu skim insurans kesihatan kebangsaan lagi. Tidakkah baik mempunyai skim ini kerana dijangkakan rakyat kelak tidak berupaya menanggung kos rawatan perubatan kerana langkah penswastan atau kenaikan kos ubat-ubatan kecuali dilindungi oleh insurans atau tabung lain.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, sistem pembiayaan kesihatan seperti insurans

kesihatan atau tabung khas kesihatan untuk meliputi seluruh penduduk Malaysia masih lagi dalam pertimbangan kerajaan kerana implikasi-implikasi yang mendalam perlu dikaji semula.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa masa yang diambil begitu lama untuk menggubal dan melaksanakan skim ini. Apakah kriteria-kriteria yang sukar untuk diatasi?

Yang kedua, tanpa skim insurans kesihatan ini, macam mana kerajaan dapat membantu pesakit-pesakit yang menghadapi kos yang tinggi untuk rawatan perubatan dan juga pembedahan di sebelas buah hospital besar di seluruh negara yang akan diswastakan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan, bahawa kerajaan kena mengambil masa yang sesuai untuk mengkaji kerana ada implikasi-implikasinya seperti sekiranya sistem pembiayaan baru dilaksanakan, kerajaan akan terus terpaksa memastikan supaya setiap penduduk mendapat peluang yang sama dari segi kemudahan kesihatan.

Lagi pun, negara kita perlu berhati-hati dalam menentukan satu-satu sistem pembiayaan kesihatan kerana dari pengalaman-pengalaman negara-negara yang mempunyai skim yang serupa, kos kepada negara adalah tinggi. Sebagai contoh, di negara-negara yang menggunakan, contohnya sistem insurans, seperti Amerika Syarikat, membelanjakan sebanyak 14% daripada GNP, dengan izin, untuk kesihatan dan negara-negara Eropah membelanjakan antara 6% hingga

10%, termasuk negara Jepun dan sebagainya. Jadi, GNP mereka untuk kesihatan. Manakala bagi negara Malaysia, membelanjakan sebanyak kurang—atau lebih kurang 3% GNP untuk kesihatan. Jadi perkara-perkara ini perlu kita beri penelitian.

Selain daripada itu, seperti juga yang dimaklumkan, pihak kerajaan juga ada menjalankan satu kajian memperbadankan hospital-hospital besar kerajaan yang sedang dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi dan dalam kajian ini, pembiayaan kesihatan juga adalah diliputi.

GURU SEKOLAH RENDAH— LANGKAH MENGATASI KEKURANGAN

4. Tuan Ong Tin Kim: minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerianya sedar bahawa keadaan kekurangan guru-guru di sekolah rendah sangat serius. Kalau ada, apakah program untuk jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang sedar adanya kekurangan guru-guru terlatih di sekolah-sekolah rendah. Kekurangan guru terlatih di sekolah rendah buat masa ini adalah sebanyak 15,000 orang. Sebagai usaha untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan telah melantik guru-guru sandaran tidak terlatih.

Kementerian Pendidikan juga telah mengambil langkah perlu dengan menambahkan pengambilan guru-guru

pelatih dua kali setahun. Dengan ini masalah kekurangan guru sekolah rendah dijangka dapat diatasi pada tahun 1997.

Tuan Lim Si Chen: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat hari ini, dalam mata pelajaran manakah yang paling serius sekali menghadapi kekurangan guru-guru terlatih dan kenapakah ia terjadi? Apakah langkah-langkah terbaru yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah itu?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, di antara sekolah-sekolah rendah, kita dapati bahawa Sekolah Rendah (China) menghadapi kekurangan guru seramai 3,500, Sekolah Rendah (Tamil) sebanyak 1,500.

Untuk mata pelajaran-mata pelajaran tertentu sekolah kebangsaan seperti pengajian agama, bahasa Inggeris dan matematik, kita juga menghadapi kekurangan guru.

Seperti yang saya telah terangkan tadi, mengenai kita menghadapi masalah itu, saya rasa satu sebab utama ialah keadaan ekonomi yang makmur di mana pemuda-pemudi mempunyai banyak pilihan. Jadi, Kementerian Pendidikan akan mengkaji cara-cara yang kita boleh mempertingkatkan taraf perkhidmatan guru supaya kita boleh menarik lebih ramai pemuda-pemudi rakyat Malaysia yang akan menceburi bidang ini.

Di antara langkah-langkah lain seperti yang telah saya terangkan, kita akan mengambil pelatih sebanyak dua kali setahun dan untuk Sekolah Rendah (Cina) dan Sekolah Rendah (Tamil), Kementerian Pendidikan juga akan memulakan Kursus Dalam Cuti

mulai tahun ini untuk membolehkan guru-guru sandaran dilatih sebagai guru-guru yang terlatih.

Tuan Chan Kon You: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Menteri Pendidikan telah mengumumkan bahawa kementerian akan mengadakan satu program kursus dalam masa cuti sekolah iaitu untuk guru-guru sementara yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah yang berkenaan.

Jadi soalan saya ialah, adakah kementerian akan mengambil masuk semua sekali guru sementara yang sedang berkhidmat di sekolah sekarang ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Kementerian Pendidikan sedang menjalankan satu kajian tentang bilangan guru-guru sandaran yang sekarang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah termasuk Sekolah Rendah Cina dan Sekolah Rendah Tamil dan atas kajian itu kita akan menentukan bilangan yang memenuhi syarat-syarat untuk membolehkan mereka mengikuti Kursus Dalam Cuti ini. Kementerian Pendidikan sudah membuat keputusan bahawa kita akan mengadakan Kursus Dalam Cuti ini dan membolehkan semua guru-guru sandaran yang layak dari segi syarat-syarat untuk memasuki sama ada maktab perguruan atau Kursus Dalam Cuti untuk membolehkan mereka dilatih sebagai guru yang terlatih.

KEMUDAHAN PADANG PERMAINAN—JUMLAH

5. Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah padang-padang permainan yang

terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Padang-padang yang dimaksudkan ialah padang bola, hoki, bola tampar, bola keranjang dan bola jaring;

- (b) adakah jumlah padang-padang ini mencukupi bagi menampung keperluan kesukanan belia dan beliawanis di Kuala Lumpur dan jika tidak apakah jumlah yang mencukupi mengikut piawaian atau norma-norma yang tertentu; dan
- (c) adakah ketiadaan ruang untuk belia dan beliawanis bersukan merupakan faktor utama belia dan beliawanis berpeleseran dan terlibat dengan penyakit-penyakit sosial seperti penagihan dadah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad):

- (a) Padang-padang permainan yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seperti berikut; padang bola ada 18 yang di bawah DBKL 5. Di bawah swasta ada 13 dan terdapat juga 25 padang yang lain yang tidak sebegitu besar tetapi dapat bermain bola. Terdapat sebuah padang hoki yang diuruskan oleh DBKL dan sebuah oleh pihak swasta dan pihak separuh kerajaan. Terdapat 11 buah padang untuk bola tampar, 2 buah untuk bola keranjang dan 2 buah untuk bola jaring, di samping 23 buah yang terdapat di taman-taman perumahan yang boleh memuatkan ketiga-tiga permainan itu.

Selain daripada padang-padang untuk permainan yang saya sebutkan, terdapat juga 7 buah kompleks sukan yang menyediakan kemudahan sukan seperti badminton, sepak takraw, skuasy, ping pong dan tenis, 3 buah stadium, 1 kompleks renang yang sedia ada dan yang diuruskan oleh DBKL dalam usaha untuk menampung keperluan kemudahan sukan dan rekreasi bagi penduduk Kuala Lumpur.

Sehubungan dengan itu, kita sentiasa berusaha untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan tersebut di kawasan-kawasan yang baru dan di kawasan-kawasan yang telah dirancang untuk tujuan berkenaan.

- (b) Di samping padang-padang permainan terletak di bawah pengurusan DBKL, terdapat juga padang-padang permainan di kawasan perumahan, sekolah-sekolah, pusat-pusat sukan di bawah penyeliaan Kementerian Belia dan Sukan dan juga kemudahan sukan yang diuruskan oleh pihak swasta.

Secara am, kemudahan padang-padang permainan ini mencukupi untuk kegiatan riadah belia dan beliawanis tetapi untuk piawaian sebenarnya sepatutnya ada 1,000 orang untuk 2 ekar. Tetapi sekarang kita ada hanya 1,000 orang seekar dan tiap-tiap 1,000 orang kita ada seekar sahaja. Jadi, kita dapat memenuhinya 50%.

(c) Adalah dimaklumkan bahawa sehingga kini tidak ada kajian terperinci yang telah dibuat mengenai hubung kait di antara ketiadaan ruang untuk bersukan dan rekreasi dengan masalah kepelesenan dan lain-lain penyakit sosial di kalangan belia dan beliawanis. Oleh itu, adalah sukar untuk menolak atau menerima kenyataan tersebut. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui satu kajian ringkas yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan masalah lepak dan lain-lain penyakit sosial seperti penagihan dadah dan sebagainya di kalangan remaja. Salah satu daripada faktor yang telah dikenal pasti ialah kemudahan sukan dan rekreasi yang terhad. Tetapi ianya bukanlah merupakan satu faktor yang utama terhadap masalah tersebut.

Dato' Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak swasta terutamanya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah jagaan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah untuk memastikan bahawa padang-padang dan kemudahan-kemudahan sukan ini tidak akan diserahkan kepada pihak swasta untuk dimajukan dan secara langsung akan mengurangkan jumlah kemudahan-kemudahan ini?

Yang kedua, apakah langkah-langkah selanjutnya yang akan dibuat bagi menambahkan padang-padang ini ada kemudahan-kemudahan sukan khususnya untuk kawasan sekitar Bandaraya Kuala Lumpur?

Dato' Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, kita memastikan bahawa kawasan tanah lapang ataupun kawasan rekreasi ini tidak digunakan untuk kegunaan lain iaitu diubah untuk kegunaan rumah ataupun untuk kegunaan komersil dalam masa yang akan datang iaitu semasa kita membahagikan pemecahan lot-lot itu kita telah tandakan dan kita sedang bercadang supaya apabila berlakunya pemecahan lot itu, kita tidak mahu mengeluarkan title untuk tanah-tanah lapang ini semoga tanah lapang itu terus akan jadi tanah lapang. Mereka tidak dapat membuat pembangunan oleh sebab tidak ada title, tidak ada gerannya.

Begitu juga kita sedang berurus agar kita mencapai satu tahap yang saya katakan tadi iaitu kita mahu mencapai tiap-tiap 1,000 orang kita hendak 2 ekar. Buat ketika ini kita baru mencapai tiap-tiap 1,000 orang seekar, Jadi kita hendak mempertingkatkan usaha ini agar tanah lapang dapat diperluaskan lagi.

DESTINASI PELANCONGAN— PROMOSI LOKASI BARU

6. Tuan Teu Se @ Chang See Ten minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah rancangan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk mengenal pasti dan mempromosi lebih banyak lagi lokasi baru yang berpotensi

menjadi destinasi pelancong dari luar negeri dan juga tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Yang di-Pertua, melalui kerjasama dengan kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta, kementerian telah mengenal pasti beberapa kawasan pelancongan baru di seluruh negara.

Pembangunan kawasan akan seterusnya dibuat sama ada oleh pihak kerajaan atau swasta mengikut kesesuaiannya sebelum ianya dipromosikan sama ada kepada pelancong-pelancong tempatan atau luar negeri.

PENDAFTARAN LEWAT KELAHIRAN PENGECEUALIAN DENDA DI SABAH

7. Dr. Maximus Johnity Ongkili minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah beliau bercadang mengecualikan rakyat negeri Sabah daripada membayar denda pendaftaran lewat surat kelahiran khasnya penduduk-penduduk miskin di luar bandar; dan
- (b) adakah beliau bercadang mengecualikan rakyat negeri Sabah daripada membayar denda pendaftaran lewat kad pengenalan, khasnya penduduk-penduduk miskin di luar bandar seperti mana dilakukan di Sarawak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi bahagian (a) dan (b); sehingga kini kerajaan belum ada cadangan untuk mengecualikan denda daftar lewat kelahiran dan pertukaran kad pengenalan kepada penduduk-penduduk di kawasan pedalaman negeri Sabah sebagaimana yang telah diberikan kepada penduduk miskin luar bandar di Sarawak. Walau bagaimanapun, kaedah pendaftaran kelahiran dan kematian peraturan pendaftaran negara memperuntukkan Pendaftar atau Penguasa Kelahiran dan Kematian dan Pegawai Pendaftar boleh mengecualikan atau mengurangkan apa-apa pembayaran atas alasan kemiskinan atau apa-apa hal dalam keadaan khas yang lain di mana rayuan tersebut telah pun dibuat secara individu.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Speaker, soalan tambahan. Pertama, kenapakah pengecualian itu dilakukan di negeri Sarawak dan tidak di negeri Sabah memandangkan masalah yang sama ataupun lebih teruk lagi?

Kedua, adakah pegawai-pegawai telah diberitahu dari segi kuasa mereka untuk mengurangkan bayaran-bayaran ini kerana di beberapa tempat tidak ada pengurangan dari segi denda-denda yang diberi?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Sarawak telah pun diberi pengecualian kerana dalam beberapa tahun yang lalu pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di Sarawak begitu prihatin dengan masalah yang mereka hadapi (*Tepuk*) dan permintaan itu telah dikemukakan kepada Kabinet dalam dua tiga tahun yang lalu. Tetapi pada masa itu pihak Kerajaan Sabah hanya mengutarakan apa-apa sahaja

tanpa maklumat berasas, melalui surat khabar di Sabah sahaja. Jadi, langkah-langkah yang mereka buat itu tidak memanfaatkan orang Sabah.

Manakala wakil-wakil persekutuan dari Sarawak telah menjalankan tugas dengan baik. (*Tepuk*) Walau bagaimanapun, pada masa kini wakil-wakil Barisan Nasional dari Sabah sedang berusaha menguruskan hal-hal ini dengan Kerajaan Persekutuan. Saya rasa dengan saluran yang lebih konkrit ataupun lebih ikhlas itu, mungkin kita boleh buat sesuatu nanti.

Mengenai kuasa pendaftar ini, kalau kita terlalu bergantung kepada kuasa pendaftar, itu bukan suatu cara yang sekali gus boleh mengatasi masalah itu. Oleh yang demikian, pihak kementerian masih mengkaji keperluan semasa di Sabah dan akan membuat keputusan untuk memenuhi permintaan di sana.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri, adakah kementerian beliau mencari penyelesaian masalah rakyat di Sabah khususnya soal kad pengenalan, suatu dokumen yang begitu penting sekali. Dalam menyelesaikan masalah ini beliau melihat dari segi kacamata parti politik dan tidak dari segi response sebuah kerajaan yang telah diangkat oleh rakyat untuk menjadi sebuah kerajaan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan tidak melihat masalah rakyat dari segi kacamata parti politik. Apa yang saya cuba terangkan tadi ialah parti-parti Barisan Nasional telah pun menjalankan tugas dan buatkan homeworknya secara konkrit. Jadi, berdasarkan apa yang dikemukakan

kepada Kerajaan Persekutuan, dapat kita bertindak dan kita tahu apa penyelesaian yang praktikal yang dicadangkan. Tetapi pada hal parti-parti pembangkang ini dia selalu cakap sesuatu remeh-temeh atau sesuatu yang andaian sahaja, anggapan sahaja, tidak ada statistik, (*Tepuk*) tidak ada kata di mana dan sebagainya. Jadi, kalau sekiranya cadangan itu benar-benar konkrit dan mereka sanggup kadang-kadang adakan program rakyat yang masuk ke pedalaman di mana Menteri dan Timbalan Menteri dari Barisan Nasional dijemput untuk merasmikan, mungkin lebih berkesan.

PEKERJA LADANG/KILANG— BAYARAN RAWATAN DI INSTITUT JANTUNG NEGARA

8. Dr. L. Krishnan minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah kementerian sedar bahawa bayaran untuk mendapat rawatan di Institut Jantung Negara oleh pekerja-pekerja dari sektor perladangan dan perkilangan tidak ditanggung oleh pihak majikan mereka;
- (b) jika sedar, apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk membantu pekerja-pekerja tersebut; dan
- (c) apakah PERKESO dapat memperluaskan lagi perkhidmatannya untuk memberikan perlindungan kepada pekerja-pekerja yang menghidap penyakit merbahaya seperti sakit jantung, buah pinggang dan lain-lain.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan:

- (a)&(b) Kementerian Sumber Manusia sedar bahawa kebanyakan majikan di sektor perkilangan dan perladangan tidak menanggung bayaran rawatan di Institut Jantung Negara. Perkara ini berlaku juga bagi sektor-sektor yang lain. Kementerian Sumber Manusia amat peka dan prihatin dengan keadaan tersebut tetapi berpendapat pemberian kemudahan yang melebihi daripada apa yang diperuntukkan di dalam undang-undang buruh tidak boleh diwajibkan, Ini kerana mewajibkan boleh mendatangkan kesan dan implikasi sampingan kepada majikan dan ekonomi negara. Namun demikian, sebagaimana yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri Kesihatan sekejap tadi, pihak kerajaan sedang mengkaji berbagai-bagai cara yang lain untuk mengatasi masalah yang sama, misalnya menerusi skim-skim insurans kesihatan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kementerian ini menggalakkan dan menggalakkan supaya majikan menawarkan kemudahan-kemudahan yang lebih menarik sebagai strategi untuk mendapatkan

pekerja. Misalnya, menawarkan kemudahan perubatan yang lebih komprehensif kepada pekerja-perkerja dan keluarganya sebagai salah satu daripada faedah-faedah apabila bekerja dengannya.

- (c) PERKESO tidak bercadang untuk memberi faedah rawatan perubatan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. PERKESO kini memberi faedah perlindungan dalam bentuk pencen bulanan kepada pekerja-pekerja termasuk mereka yang menghidap penyakit merbahaya seperti sakit jantung, buah pinggang dan sebagainya. Untuk layak mendapat pencen bulanan tersebut, mereka perlu disahkan ilat atau 'invalid', dengan izin, oleh jemaah doktor PERKESO serta memenuhi syarat kelayakan caruman yang ditetapkan bagi pencen ilat PERKESO.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Jawah Anak Gerang.

(Soalan No. 9—Y.B. Tuan Jawah Anak Gerang tidak hardir)

**REL KERETA API ANTARA
LUNDU—KOTA KINABALU—
PEMBINAAN**

10. Tuan Tiong Thai King minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan merancang membina

rel kereta api yang menghubungkan Sarawak dan Sabah dari Lundu di sebelah barat ke Kota Kinabalu di sebelah Timur Laut. Kalau ada bercadang akan menyediakan perkhidmatan tersebut, bila mulai pembinaan rel kereta api itu. Kalau tak ada, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan belum mempunyai rancangan untuk mengadakan hubungan rel antara Lundu di Sarawak dengan Kota Kinabalu di Sabah.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu sebab mengapa tindakan tidak dibuat untuk mengadakan perkhidmatan kereta api di antara Sarawak dan Kota Kinabalu sedangkan keperluan itu memang sudah lama ada.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, bagi maklumat Ahli Yang Berhormat, setakat ini tidak terdapat apa-apa sistem kereta api di negeri Sarawak manakala bagi negeri Sabah terdapat pengangkutan rel yang dikendalikan oleh Jabatan Kereta api Negeri Sabah sahaja. Perkhidmatan rel di negeri Sabah laluannya hanya adalah sejauh 134km. Memang kalau keadaan berubah, kemungkinan kerajaan akan kaji sama ada munasabah atau tidak untuk mengadakan sistem rel perhubungan di antara dua negeri ini.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di seluruh negara kita hanya negeri Sarawak belum ada kereta api. Bolehkah Kementerian Pengangkutan kaji dengan serius, beri peluang kepada

kami supaya anak-anak Sarawak pun boleh naik (*Ketawa*)

Soalan kedua, tambahan pula Sarawak lebih kurang sama besar dengan Semenanjung Malaysia tanpa Perlis. Oleh kerana itu, setujukah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa negeri Sarawak lebih layak mempunyai kereta api?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sibu, memang saya bersetuju dan saya sedar negeri Sarawak adalah negeri di dalam negara kita yang tidak mempunyai perkhidmatan rel. Tetapi sebelum kita dapat mengkaji sama ada Sarawak ini harus mengadakan perkhidmatan rel, saya percaya kajian teliti harus dijalankan dulu sebab kalau kita melihat balik dari segi sejarah, negeri Sarawak ini sampai hari ini tidak ada apa-apa perkhidmatan. Bukan kata Kerajaan Pusat tidak rela hendak mewujudkan satu sistem keretaapi di negeri Sarawak tetapi dengan hutan rimba yang begitu besar, kemungkinan ada cara lain yang mana pengangkutan jenis lain dapat diadakan dengan lebih murah dan lebih cepat dan kemas kini. Tetapi walau bagaimanapun, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Sibu memang kita akan mengambil perhatian.

ARTIS—KEGIATAN PELACURAN

11. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan polis terhadap kes artis pelacur yang menggemparkan negara dan adakah pelanggan-pelanggan kenamaan (VIP) akan dibongkarkan atau didakwa sepertimana yang

dinyatakan oleh Ketua Polis Negara pada 7 Julai 1995 di *New Straits Times* bahawa "this case has to be handled delicately in view of the prominent sex clientele involving Tan Sris and Datuks." Kalau tidak bukankah ini bercanggah dengan jaminan Perdana Menteri bahawa semua yang terlibat akan dibongkarkan dan tindakan akan diambil. Adakah Ketua Polis Negara telah buat laporan polis di bawah Seksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak & Penerbitan 1984 terhadap kenyataan palsu *New Straits Times* di mana Ketua Polis Negara menafikan Tan Sri dan Datuk terlibat.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, hasil siasatan polis seramai 8 orang artis telah ditahan kerana kegiatan pelacuran dan 2 orang telah didakwa di bawah Seksyen 16(1)(k) Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 106/1973, atas kesalahan bertindak sebagai orang perantaraan dalam kegiatan itu. Pihak polis akan mendakwa sesiapa sahaja yang terlibat dalam kegiatan pelacuran jika ada bukti yang mencukupi tanpa sebarang pengecualian kepada sesiapa. Ketua Polis Negara tidak perlu untuk membuat laporan polis terhadap akhbar berkenaan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan bahawa dakwaan telah dibuat ke atas 2 artis pelacur, kalau pihak kerajaan akan mengambil tindakan tanpa sebarang pengecualian dan memberikan layanan yang sama, mengapakah dakwaan masih belum dibuat ke atas pelanggan-pelanggan artis pelacur ini yang merujuk kepada kenyataan Yang Amat Berbahagia Tan Sri Ketua Polis Negara terdiri daripada golongan

ternama, Tan Sri-Tan Sri dan Datuk-Datuk. Adakah dakwaan akan dibuat ke atas mereka atau tidak kerana kononnya, tetapi kononnya tidak boleh gunalah, kerana..

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan buat andaian dalam soalan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya akur kepada arahan Tuan Speaker semalam kerana nampaknya ada orang-orang atas yang terlibat.

Bolehkah pihak kerajaan memberikan penjelasan sama ada ahli-ahli pentadbiran tertinggi terdiri dari pelanggan-pelanggan daripada negeri Pahang? (*Ketawa*) Dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini senarai nama mereka yang terlibat, tidak tahu sama ada lebih daripada negeri Pahang, tetapi kalau daripada senarai pelanggan yang menggunakan perkhidmatan pelacur-pelacur artis, gelaran mereka juga turut akan dilucutkan supaya memberikan satu teladan yang baik kepada rakyat jelata, kalau tidak, mengapa? Macam mana kita hendak menunjukkan satu teladan yang baik untuk mencapai nilai murni negara kita? Kita jangan main-main dengan perkara ini, harap tidak akan ditutup skandal besar ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ulasan itu saya rasa tidak payahlah.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah Ketua Polis Negara menyatakan atau membuktikan atau mengesahkan di mana-mana bahawa terdapat Tan Sri, Dato' ataupun pentadbir yang tinggi telah terlibat dalam kes-kes pelacuran artis ini.

Saya pun tidak faham bagaimana yang Berhormat dari Kota Melaka, nampaknya dia ada banyak maklumat, Kalau sekiranya maklumat itu betul, benar-benar berasas, saya rasa Kementerian Dalam Negeri mengalukan maklumat itu disampaikan kepada polis untuk siasatan lanjut.

Saya telah memberi jawapan tadi, pendirian kita tidak akan melindungi sesiapa, tidak kira dia siapa. Tetapi dalam hal ini, saya juga sebut negara kita ini adalah satu negara dikawal ataupun ditadbir dengan sistem perundangan yang adil. Kalau sekiranya tidak ada bukti yang kukuh, tidak ada apa-apa saksi, kita tidak boleh suka-suka menuduh seseorang.

Sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah jelaskan, tidak boleh kita kata seseorang yang berjawatan tinggi, apa-apa sahaja kita cuba handak menyalahkan kalau dia tidak melakukan. Jadi, adalah adil untuk sesiapa sahaja dari segi kacamata undang-undang adalah sama. Jaminan ini telah berulang kali diberikan oleh Perdana Menteri dan juga oleh Ketua Polis Negara sendiri.

Mengenai senarai nama, saya rasa kalau ada sesiapa sahaja terlibat, polis dan pendakwa raya akan bawa ke mahkamah, tidak payah kita minta di sini, kalau ada mahkamah boleh tahu.

Mengenai gelaran yang disebut itu bukan bidang kuasa kementerian saya. Gelaran itu adalah satu keistimewaan yang diuruskan oleh Istana, tidak boleh kita cuba membincangkan hal-hal gelaran di sini.

Datuk Joseph Chong Chek Ah: Soalan tambahan. Kalau kerajaan tidak ada bukti semua Tan Sri-Tan Sri atau Dato'-Dato' ada involved dengan

kes artis melacur, saya harap kerajaan atau polis boleh menerangkan nama Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato' semua di negara kita ini tidak involve dengan kes ini. (*Ketawa*)

Tuan Ong Ka Ting: Termasuk Datuk daripada Batu. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan tadi, tidak ada bukti langsung terhadap mana-mana Tan Sri atau Dato' dalam kes ini untuk didakwa. Maka, tidak payah bimbanglah mana-mana Tan Sri dan Dato' sebab tidak ada dakwaan terhadap mereka, Pada masa hadapan kalau sekiranya ada, kita tidak akan teragak-agaklah, pada masa kini tidak ada bukti menunjukkan mana-mana orang yang terlibat.

PROSES KESERAGAMAN PIAWAIAN DAN KUALITI PRODUK PENDIRIAN KERAJAAN

12. Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan tentang usaha dan pendirian kerajaan mengenai proses keseragaman piawaian dan kualiti produk di kalangan negara-negara ASEAN ekoran daripada pelaksanaan skim CEPT.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah komited dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh ASEAN dalam menyeragamkan piawaian dan kualiti barangan keluaran negara-negara anggota ASEAN, ekoran dari pelaksanaan Scheme Common Effective Prevention Tariff, dengan izin, untuk mewujudkan

kawasan perdagangan bebas ASEAN menjelang tahun 2003. Bagi maksud ini, Malaysia melalui Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) adalah terlibat sepenuhnya dengan kerja-kerja yang dilakukan oleh ASEAN Consultative Committee for Standard and Quality (ACCSQ), dengan izin, ACCSQ yang dianggotai oleh badan-badan piawaian negara-negara ahli ASEAN adalah bertanggungjawab untuk menyeragamkan piawaian dan kualiti barangan keluaran negara-negara ASEAN selaras dengan piawaian yang diterima di peringkat antarabangsa.

Dr. Nungsi bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jaminan atau memperkatakan sesuatu, jika Malaysia mempunyai takrifan kualiti minima yang lebih tinggi daripada yang ada pada negara-negara dalam ASEAN. Adakah kita akan merendahkan kualiti minima kita ataupun kita komited hendak semua negara ASEAN yang lain sekurang-kurangnya sampai kepada tahap kualiti minima kita. Itu soalan yang pertama.

Kedua, ada juga mungkin produk yang mana kualiti minima kita terlebih rendah daripada kualiti minima sesetengah daripada negara-negara ASEAN yang lain. Dalam kes yang sedemikian, apakah pula pendirian Malaysia?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terlalu spesifik. Sebenarnya ASEAN Consultative Committee for Standard and Quality sedang bermesyuarat untuk menentukan apa-apa piawaian itu. Segala maksima atau tidak maksima, lebih tinggi atau lebih rendah piawaian

itu akan dibincangkan di dalam committee itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah negara-negara ASEAN akan mencapai matlamat CEPT ini? Adakah tempoh dipendekkan untuk maksud ini?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah angka-angka peratusan barang-barang yang telah pun.

Beberapa Ahli: (Menggangu)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Banyak kacau, saya pun tidak boleh bercakap. (*Ketawa*)

Soalan yang kedua, setakat mana Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain dapat melaksanakan perjanjian tersebut?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, semua—negara ASEAN akan mencapai CEPT pada tahun 2003. Tetapi senarai barang-barangan itu dibahagikan kepada tiga, iaitu:

- (i) senarai eksklusif am, di mana lebih kurang 8,840 jenis barangan mula menikmati pengurangan cukai mulai daripada 1hb Januari, 1995;
- (ii) senarai eksklusif sementara, di mana ada 631 jenis barangan akan menikmati pengurangan itu mulai daripada 1996 dengan kadar 20% pada tiap-tiap tahun; dan
- (iii) senarai eksklusif kekal, di mana ada lebih kurang 1,860 jenis barangan itu tidak menikmati apa-apa pengurangan.

PENSWASTAAN KEMUDAHAN AWAM—KESAN

13. Tuan Chia Kwang Chye minta Perdana Menteri menyatakan apakah kesan penswastaaan projek-projek kemudahan awam (seperti bekalan elektrik, bekalan air dan lebuhraya) terhadap kempen kerajaan untuk mencapai kadar inflasi sifar. Ini adalah kerana dengan pelaksanaan projek penswastaaan kemudahan awam (seperti bekalan elektrik, bekalan air dan lebuhraya), maka kos membekal perkhidmatan asas tidak lagi disubsidikan oleh kerajaan. Dengan demikian, pihak pengguna akan dikenakan caj yang lebih tinggi bagi perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan berpendapat penswastaaan kemudahan awam seperti bekalan elektrik, bekalan air dan lebuhraya tidak akan menjejaskan kempen kerajaan bagi mencapai inflasi sifar. Ini disebabkan kerajaan mempunyai mekanisme tertentu bagi mengawal harga kemudahan awam yang diswastakan itu supaya berada di paras yang munasabah.

Bagi industri yang bersifat monopoli pihak syarikat tidak boleh menaikkan kadar caj sesuka hati tetapi perlu mendapatkan kelulusan kerajaan terlebih dahulu. Bahkan dalam kes-kes tertentu, sekiranya pengguna berpendapat caj yang dikenakan adalah tinggi, pengguna diberi pilihan untuk menggunakan kemudahan alternatif.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kadar caj bekalan elektrik sejak diswastakan pada tahun

1990 belum pernah dinaikkan lagi walaupun permohonan ada diterima daripada pihak syarikat untuk menaikkan kadar tersebut.

Bagi lebuhraya, kerajaan memberi kebebasan kepada pengguna untuk memilih sama ada menggunakan lebuhraya yang dikenakan tol atau menggunakan jalan alternatif yang sedia ada.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini apakah rupa bentuk mekanisme yang digunakan untuk menjamin bahawa harga tidak naik dengan mendadak dan sewenang-wenangnya kerana apa yang dikatakan tadi bahawa ada alternatif lain adalah tidak benar langsung. Sebagai contoh, bekalan elektrik dan bekalan air tidak ada pilihan untuk para pengguna dan kadar atau tarif telah dinaikkan, sama ada elektrik telah dinaikkan oleh Tenaga Nasional Bhd. dan bekalan air oleh Jabatan Bekalan Air Negeri masing-masing. Untuk lebuhraya, sungguhpun ada jalan alternatif lain tetapi oleh kerana rancangan yang dibuat oleh kerajaan supaya jalan yang ditujukan ke plaza tol telah dibuat supaya aliran trafik menuju ke sana. Kalau hendak menggunakan jalan lain adalah tidak selesa (convenient) sama sekali.

Kalau begitu, apakah pilihan yang dapat diberikan kepada para pengguna kecuali kerajaan dapat memastikan projek-projek kemudahan awam yang diswastakan ini tidak dinaikkan langsung pada satu tempoh masa yang ditetapkan.

Kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan rasional mengapakah PLUS telah

menaikkan kadar tol sebanyak 60 sen untuk Lebuhraya Utara/Selatan. Apakah rasionalnya? Adakan ini termasuk dalam surat perjanjian yang ditandatangani di antara kerajaan dan PLUS?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, mekanismanya yang telah saya sebutkan dalam jawapan tadi iaitu bahawa yang paling penting sekali ialah kerajaan mengawal kenaikan harga dan sudah tentu bahawa kalau sekiranya harga hendak dinaikkan, saya rasa kerajaan juga bertanggungjawab untuk memastikan supaya ianya tidak dinaikkan sewenang-wenangnya. Sebab itu dalam jawapan sebentar tadi saya telah menyatakan iaitu bahawa semenjak tahun 1990 kadar caj elektrik tidak pernah dinaikkan.

Kedua, berkenaan dengan lebuhraya. Saya percaya iaitu bagi mereka yang mempunyai kenderaan mereka mampu untuk membayar tol dan bagi mereka yang tidak mempunyai wang mereka menggunakan motosikal dan mereka tidak dikenakan bayaran caj tol. Kalau sekiranya mereka tidak mahu mengguna, mereka mempunyai jalan alternatif. Jadi pada saya, saya kira mekanisma yang telah disebut adalah mencukupi untuk kita mengatasi masalah kenaikan harga dan dapat mengatasi masalah inflasi sifar.

Tuan Lim Guan Eng: Belum dijawab lagi mengenai ianya dinaikkan kepada 60 sen.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kementerian yang menentukan kenaikan ini dan yang boleh menjawab ini ialah Kementerian Kerja Raya dan bukannya kementerian di Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa soalan itu pun terkeluar daripada apa yang Yang Berhormat minta.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kerajaan sudah pun memberi jawapan kepada saya bahawa penjimatan kerana penswastaaan projek-projek tersebut adalah lebih RM51 bilion dan dengan ini penjimatan kerana kos pembangunan dan juga kos pengurusan projek-projek kerana diswastakan. Dengan demikian, bolehkah pihak kerajaan menggunakan wang ini untuk mengsubsidi kerana kemudahan-kemudahan awam ini seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Kota Melaka tadi dengan kenaikan lebuhraya kadangkala tidak ada jalan alternatif. Jalan-jalan alternatif bukan semuanya ada dan dengan kenaikan ini memang kos-kos pengangkutan akan meningkat dan ini akan menggagalkan usaha untuk mengurangkan inflasi—bukan sahaja inflasi sifar tetapi saya nampak kesan sifar pun ada.

Kedua, saya nampak keuntungan kutipan tol oleh Lebuhraya Utara/Selatan tiap-tiap tahun lebih RM531 juta. RM531 juta ini boleh menampung tol ini dan ini nampaknya satu angka yang tinggi. Dengan yang demikian mengapa pihak kerajaan masa ini masih mempertimbang untuk meluluskan kenaikan tol tersebut?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ada tengok ada tiga soalan di sini. Pertama, Yang Berhormat dari Kepong kata tidak ada alternatif dari segi lebuhraya. Itu tidak benar. Memang ada jalan alternatif. (*Ketawa*) Jalan atau apa? Api atau air?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, misalnya di Shah Alam tidak ada alternatif. Itu Lebuhraya Persekutuan. Di sana di sini semua tol. Kalau kita pergi ke Shah Alam semuanya ada tol. (*Disampuk*) Sana sini pun ada. Itu satu contoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat, pada pengetahuan saya, saya rasa ada jalan alternatif itu. (*Disampuk*) Tetapi itu terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada hendak jawab atau tidak.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang ada jalan alternatif. Mungkin selepas ini saya boleh tunjuk kepada Ahli Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Soalan kedua, berkenaan kita membuat penjimatan dalam kita menswastakan beberapa syarikat monopoli ini. Kita telah membuat penjimatan dan kita telah mendapat banyak juga keuntungan. Walaupun kita tidak subsidi bagi pengangkutan tetapi kerajaan memberikan subsidi dalam banyak program kemiskinan. Tidak semestinya penjimatan itu dibuat harus diberikan subsidi kepada kemudahan yang tertentu yang disediakan oleh perbadanan itu seperti api dan air. Penjimatan wang yang kita buat kita mensubsidikan program-program kemiskinan yang lain.

Ketiga, berkenaan dengan keuntungan tinggi. Walaupun keuntungan tinggi, Ahli Yang Berhormat juga mesti faham bahawa maintenance pun tinggi. Kadang-kala apabila kita memperbaiki jalan, kita lihat itu bahawa bukan sedikit punya belanja. Sebab itu

keuntungan tinggi ianya akan juga dihabiskan kerana maintenance juga adalah tinggi.

PERMAINAN VIDEO— HUKUMAN BERAT TERHADAP PENGUSAHA

14. Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) dalam usaha kerajaan untuk membasmi muda-mudi dan murid-murid sekolah menyalahgunakan masa dengan permainan bermacam-macam bentuk "video game" yang ada melanggar undang-undang, di kedai dan kompleks orang ramai; persoalannya adakah undang-undang yang ada masa kini mencukupi bagi pihak penguatkuasa Kerajaan Tempatan mengambil tindakan tegas dan efektif untuk saman, menangkap dan merampas barang-barang kes yang ada berkaitan, untuk merupakan keberkesanan tindakan yang diambil; dan
- (b) sekiranya terdapat undang-undang yang ada sekarang ini tidak memberi peruntukan atau kuasa yang efektif, apakah tindakan yang telah atau akan diambil oleh kementerian untuk mengatasinya supaya tindakan yang lebih tegas dan hukuman yang lebih berat boleh dikenakan sebagai pencegahan dan contoh.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) suka saya memaklumkan bahawa segala bentuk permainan 'video' adalah dilesenkan di bawah Enakmen Hiburan yang dikuatkuasa oleh pihak Kerajaan Negeri. Pada kebiasaannya Kerajaan Negeri menurunkan kuasa untuk mengeluarkan lesen-lesen hiburan ini kepada Pejabat-pejabat Daerah dan sesetengah pihak berkuasa tempatan di mana berkenaan. Dalam mengeluarkan lesen hiburan ini, selalunya pihak-pihak berkenaan mengenakan syarat-syarat tertentu. Sekiranya didapati mana-mana pihak yang melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan, tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil.

Dalam hal ini, tidaklah semua pihak berkuasa tempatan diperturunkan kuasa oleh pihak berkuasa negeri untuk berbuat demikian. Pada kebiasaannya pihak polislah yang akan menguatkuasa syarat-syarat permainan video ini. Polis boleh mengambil tindakan di bawah Kanun Jenayah sekiranya ada pengusaha-pengusaha yang membenarkan permainan video yang diharamkan di pusat hiburan masing-masing.

- (b) memandangkan bahawa teknologi permainan video ini telah mencapai tahap kemajuan yang tinggi dan canggih pula, sudah sememangnya peruntukan undang-undang yang sekarang

ini kurang mantap untuk mengawal permainan ini. Justeru itu, bagi menentukan bahawa kawalan terhadap permainan video ini lebih efektif lagi, pihak kerajaan baru-baru ini telah mengharamkan sama sekali permainan-permainan 'video games', dengan izin, yang mempunyai unsur-unsur perjudian, seks dan ganas daripada diimport atau digunakan di pusat-pusat hiburan di dalam negara ini. Untuk menentukan bahawa pengharaman ini dikuatkuasakan dengan berkesan, semua agensi kerajaan terlibat dikehendaki menyelaraskan tindakan masing-masing berdasarkan satu garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

INFRASTRUKTUR KAMPUNG DI KELANTAN— MENINGKATKAN

15. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) rancangan dan program kementerian bagi meningkatkan infrastruktur kampung dan luar bandar di negeri Kelantan: dan
- (b) apakah bentuk-bentuk kerjasama dan Kerajaan Kelantan yang diperlukan oleh kementerian dalam usaha membangun kampung dan luar bandar di Kelantan. Dan apakah bentuk-bentuk dari wakil-wakil rakyat yang diperlukan oleh kementerian dalam usaha pembangunan ini.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam usaha meningkatkan infrastruktur luar bandar termasuk di negeri Kelantan, akan meneruskan rancangan bagi mengadakan program-program seperti pembinaan jalan luar bandar, jalan kesban, jalan kampung, bekalan letrik luar bandar dan bekalan air luar bandar.
- (b) Pelaksanaan sesuatu projek pembangunan tidak akan berjaya jika tidak ada kerjasama semua pihak. Oleh itu, Kerajaan Negeri Kelantan, wakil rakyatnya perlulah memberi penerangan yang betul kepada rakyat tentang perihal mustahaknya pembangunan supaya masyarakat mengubah sikap lebih responsif kepada usaha-usaha kerajaan. Di samping itu, kerjasama juga diperlukan bagi membolehkan projek-projek dilaksanakan dengan licin dan cepat. Di antara bidang yang memerlukan kerjasama ialah mempercepatkan kelulusan bagi urusan pengambilan balik tanah untuk pembinaan jalan, kerjasama pihak berkuasa tempatan untuk meluluskan pelan pembangunan dan penyempurnaan projek-projek kemudahan awam di seluruh negeri Kelantan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, adakah Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedar bahawa oleh sebab banyak berlaku di mana peruntukan kewangan telah habis

dibelanjakan, tetapi projek-projek di luar bandar terbengkalai di tengah jalan. Yang kedua,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa soalan tadi itu terkeluar daripada soalan asal, lagi pun masa sudah suntuk, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ini berkenaan pembangunan luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tak, Kelantan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tetapi pembangunan luar bandar ini terhad kepada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu bersabit dengan pembangunan luar bandar di negeri Sabah, bukan? Ini terkeluar, Yang Berhormat. Masa sudah suntuk, Yang Berhormat. Lain kalilah, tak mengapa. Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 16 hingga 101 dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta

Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERINDUSTRIAN NIAGA
HADAPAN (PINDAAN) 1995**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN (1995) 1995**

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMB.) (BIL. 2) 1995**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) 1995 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1995 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (hari Pertama)

*Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM138,146,300 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tamb.) (Bil. 2) 1995 bagi Maksud-maksud Bekalan B.3, B.7, B.16, B.26, B.34 dan B.39 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM585,954,990 yang diperuntukkan di dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1995 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.28, P.31, P.46, P.47, P.49 dan P. 54 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1995 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 1995 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1995 kelmarin. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Perbelanjaan ini adalah juga diberi di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8A Tahun 1995, dan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tamb.) (Bil. 2) 1995 dan Kertas Perintah 9A Tahun 1995 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

(Tamb.) (Bil. 2) 1995. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Maksud B.3 dan B.7 (Jadual)—

Maksud P.7 (Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2) 1995)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.3 dan B.7 dan Kepala Pembangunan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas sekarang. Kepong.

3.40 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Maksud B.7 dan P.7. ini mengenai Putrajaya dan memang saya nampak pihak kerajaan telah mengadakan satu plan induk untuk memajukan Putrajaya sebagai bandar raya kembar Kuala Lumpur. Sepertimana yang telah saya sarankan pada 15hb. bulan ini mengenai Putrajaya, satu rancangan, satu projek yang wajar, yang tepat untuk menyahut abad ke-21. Walau bagaimanapun, setakat ini terdapat beberapa perkara yang belum lagi diselesaikan dan sebelum mewujudkan masalah kami membangkitkan pelbagai perkara termasuk alam semula jadi.

Jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah tidak begitu menyeluruh dan beliau pernah memberitahu kita di sini bahawa satu Environment Impact Assessment

(EIA) sedang dikaji oleh pakar perunding untuk memelihara alam semula jadi di Putrajaya yang luasnya lebih 10,000 hektar.

Tuan Pengerusi, dengan kawasan yang begitu besar dan kajian yang perlu dibuat adalah mengambil masa yang panjang, saya hendak mengetahui berapa pakar runding yang ditugaskan untuk membuat EIA di kawasan Putrajaya. Kerana ada berbagai-bagai projek termasuk pusat komersil, pusat pentadbiran dan kawasan-kawasan kediaman dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana jadual untuk EIA ini akan dibuat dan bilakah EIA ini akan diumumkan kerana menurut jawapan daripada pihak Yang Berhormat kerja akan bermula pada akhir tahun ini. Kalau tidak silap saya, ada kerja-kerja yang telah dimulakan sekarang ini, kalau tidak ada EIA bagaimana kita dapat melaksanakan projek ini?

Sebagaimana yang disebutkan oleh pihak kerajaan sebelum kita memulakan projek terutamanya projek raksasa seperti ini, satu kajian alam sekitar mesti diadakan terlibat dahulu sebelum kita memulakan kerja untuk projek ini. Tetapi nampaknya kerja itu sedang dibuat sebelum EIA dikemukakan untuk dibaca, direnungi oleh semua pihak. Saya berharap pihak kementerian dapat menjawab soalan-soalan seperti ini, bukan sahaja seperti mana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, dia kata: "Semua sudah beres, semua cantik, sempurna, kerana ini dilakukan oleh insan yang kamil, yang sempurna."

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Padang Terap.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, Ahli dari Kepong ini nampaknya dia terlalu, dengan izin, 'carry EIA too Far'. Yang kita hendak buat di Putrajaya itu bukan kawasan industri, kita bukan hendak buat empangan yang besar-besar, hanya hendak membuat bandar. Ahli Yang Berhormat tadi kata 'residential, commercial' dan lain-lain lagi, jadi EIA yang ada di sini bukanlah pada tahap skala, EIA yang hendak kita buat, industri yang besar-besar seperti petrochemical industry.

Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat, EIA yang Ahli Yang Berhormat hendak minta tengok itu EIA yang mana? Hakisan? Kalau hakisan tidak ada masalah. Hakisan tanah, apa lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak tahu? Takkan EIA pun hendak dilakukan dengan secara serius atas apa Ahli Yang Berhormat hendak menggunakan tandas dan lain-lain lagi seperti tandas awam di dalam satu pekan baru. Itu pun hendak EIA juga?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, patutlah Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap ini, dia pakar pertanian, ekonomi pertanian, pernah bekerja dengan United Nation—Bangsa-bangsa Bersatu, kerana dia asyik dengan Bangsa-bangsa Bersatu, dia lupalah bila kita hendak memajukan satu kawasan yang begitu besar, lebih 10,000 hektar kawasan ladang, ini hampir 100% kawasan ladang, bila pokok-pokok ditebang, memang masalah timbul termasuk saluran, termasuk sistem perparitan dan sebagainya dan banjir kilat. Bukan sahaja macam itu, kita ada

pengalaman. Yang Berhormat Tuan Pengerusi pun tahu di satu kawasan di Ampang/Hulu Klang kerana sikap seperti Padang Terap masa dahulu yang menyebabkan satu kondominium runtuh, satu tragedi kerana tidak ada EIA dan dia hendak tragedi seperti ini berulang di Putrajaya, saya pun tak faham, fikiran itu, kita hendak maju ke abad 21, tetapi dia telah menjadi 'songsang' dan songsang kepada abad ke-19.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia bangun ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat tentang EIA ini. Adakah Ahli Yang Berhormat sedar bahawa di dalam praktis-praktis kita, dengan izin, 'clear the slopes' ada usaha-usaha ataupun ada prosedur-prosedur yang dipanggil 'self-conservation procedure'. Jadi, Ahli Yang Berhormat, di dalam kita mengadakan 'clear' satu kawasan yang hanya 10,000 hektar, satu kawasan yang kecil, kawasan yang tidak mempunyai 'impact' yang besar, kalau Ahli Berhormat hendaklah semua EIA dibuat padahal kita tahu bahawa sudah wujud 'conservation procedure', hendak buat EIA lagi? Jadi, bukan saya hendak menolak mengenai dengan pentingnya EIA tetapi seperti apa yang saya katakan tadi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, dengan izin, 'carry EIA too far' dan terlalu taksud dengan EIA.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sahaja yang

mengatakan EIA itu sedang dibuat, mengapa Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan hendak dibuat, sedang dibuat, tetapi di sebelah yang lain, Kementerian Kewangan, dia keliru sedikit, di sebelah tangan kanan buat sesuatu, di sebelah tangan kiri tidak tahu!

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Gerik bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Ah! Gerik pun hendak campur pula! (*Ketawa*)

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Penjelasan!

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Kepong, dia bercakap banyak berkenaan dengan Putrajaya ini, sama ada beliau sudah tahu berkenaan dengan plan tataatur bandar Putrajaya yang hendak dibangunkan. Setahu saya bukan 10,000 hektar tetapi 4,000 hektar yang bersamaan dengan 10,000 ekar, Jadi dia telah dengan dua kali setengah lebih, 25% lebih. Bandar ini kalau mengikut saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bandar ini adalah sebuah 'bandar dalam taman' bermakna ekologi yang baik, sebuah bandar yang dari segi telekomunikasinya 'intelligent'—pintar. Jadi, Ahli Yang Berhormat patut kaji dahulu, tahu berkenaan dengan latar belakang bandar ini sebelum membuat komen-komen yang saya rasa tak kena pada tempatnya.

Dr. Tang Seng Giaw: Tuan

Pengerusi, kawasan Gerik ini memang kawasan bukit-bukau (*Ketawa*), mana dia tahu mengenai Putrajaya?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Beliau tidak sedar bahawa planning untuk bandar itu dibuat oleh Perancang Bandar dan Desa di bawah Kementerian saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, Perancang Bandar dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kalau begitu lebih teruk lagi, kerana kita hendak tahu sekarang adakah kementerannya membuat kajian ke atas kawasan itu? Dia kata 4,000 hektar—itu bukannya yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bukan sahaja ia menyebutkan lebih 10,000 ekar kawasan itu tambah pula ada pembangunan raksasa di sekitarnya. Bukan sahaja di Pusat kerana pihak Kerajaan Persekutuan menjadi setingan di kawasan Putrajaya dan di sekeliling itu pembangunan projek-projek raksasa iaitu projek-projek kerajaan negeri. Itulah masalah, kerana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mengambil kita hal seperti ini, walaupun dia kata Perancang Bandar dan Desa adalah di bawah kementerannya, ini menunjukkan satu sikap yang tidak begitu baik.

Dia tidak mengambil kira kawasan menyeluruh yang lebih besar daripada 10,000—tanyalah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Itu sebab saya kata dia baru masuk dan dia hendak buat cara yang lebih sempurna. Dia lebih tahu—tanya kepada dia.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, sebenarnya apa yang hendak diperkatakan oleh

Yang Berhormat dari Kepong ini adalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di negara kita ini. Beliau mahu sebuah negara dalam taman, beliau tidak mahu bukit-bukau dipotong dan pokok-pokok tidak dibenarkan untuk ditebang. Ini adalah saranan-saranan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebenarnya Kepong ini mengikut saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita akan bawa pindaan dalam Parlimen, iaitu pindaan kepada Akta 172 —Perancang Bandar dan Desa yang mana bukit-bukau tidak dibenarkan dipotong, pokok-pokok tidak boleh dipotong dan kita perlu membuat 'landscaping' untuk kawasan perumahan dan sebagainya. Ini semua adalah saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana yang Amat Berhormat akan mengotakan semua kata-kata ini di bandar Putrajaya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sekarang kita tengok dia punya arah tidak keruan, dia keliru sedikit. Pada masa dahulu dia kata ini kawasan kecil, tidak payah hendak heboh-hebohkan EIA, sekarang dia tukar kepada bukit-bukau dan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apakah maksudnya itu? Jadi, tidak bolehlah kita pandang ke kanan dan ke kiri, naik ke atas langit dan sebagainya—keliru sendiri. Kita balik kepada EIA. Adakah EIA perlu untuk kawasan itu? Sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkat bahawa kita perlu—bukan sahaja perlu sudah ada kajian dan kita tunggu kajian itu dikeluarkan. Sementara itu, kita buat pelaksanaan

pula, sebelum ianya dikeluarkan. Padang Terap kata tidak perlulah kita hendak duduk di situ sahaja, tidak ada kondominium dan sebagainya. Tinggal di situ cuma pejabat-pejabat rendah dan sebagainya—tidak payah EIA. Itu maksud Padang Terap. Sekarang Grik hendak supaya kita jangan sentuh bukit-bukau. Itu baik juga, Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, semasa saya berdiri tadi dan selepas mendengar dia bercakap—dialah yang 'muddle thinking' ini. Saya kata tadi, bukan sahaja EIA tidak perlu, tetapi apa yang saya cakap tadi, Yang Berhormat Kepong perlu faham bahawa kita kita perlu menekan semua kepada EIA. Kalau kerja untuk planning 'pacang pancang' pun hendak kena tunggu EIA, jadi, tidak akan jalan kerja. Jadi, EIA itu perlu, tetapi tengok keadaan kepada skala projek itu. Kalau projek itu setakat 4,000 hektar sahaja, apa salah kita masuk, pacang, buat planning yang asas. Jadi, sementara menunggu kajian EIA yang sedikit sahaja sumbangannya kepada projek itu siap, jadi, yang sebenarnya 'muddle thinking' ini ialah Yang Berhormat, bukan kita—itu berasaskan kepada apa yang dia cakap tadi. Ini dia lompat daripada Grik ke Padang Terap dan macam-macam. Inilah satu example of muddle thinking, dengan izin.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini satu tin kosong pula. Yang

Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri betul juga. Dia kata kita mesti adakan satu EIA dan ia sedang dibuat. Saya di sini bertanya, sebelum ia dikeluarkan dan dikajikan dengan betul, dan sebelum pengumuman dibuat, kita mesti tunggu dahulu sebelum kita melaksanakan semua—seperti dengan Bakun juga. EIA belum diterima lagi, tetapi kita sudah mula dengan menebang pokok-pokok dan sebagainya. Itulah yang dipersetujui oleh pihak Padang Terang, kerana pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pun menyebut di dalam Dewan yang mulia ini bahawa dia hendak menyaksikan satu multimedia, satu bandar raya di dalam taman dan satu pemuliharaan alam semula jadi dengan sempurna. Itu saya sokong semua. Cuma saya hendak tolong untuk mencapai hasrat ini. Saya terkeliru dan hairan juga mengapa Padang Terap dan Grik itu begitu asyik untuk menyoal hasrat saya untuk menolong Yang Amat Berhormat—bukit-bukau itu betul juga. Kalau ada bukit-bukau kita mesti dengan sedaya upaya jangan kita meroboh ataupun mengubah landskap itu kerana akan membawa akibat dan padah seperti mana yang disaksikan di Hulu Kelang.

Tuan Pengerusi, itu mengenai EIA dan banyak yang sudah disebut mengenai EIA. Saya berharap pihak kementerian dapat mengumumkan EIA itu apabila ia disiapkan kelak dan satu lagi ialah mengenai Jawatankuasa untuk menempatkan alternatif bagi pekerja-pekerja dan penduduk-penduduk di kawasan itu. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan siapakah yang menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa ini untuk melaksanakan tugasnya. Adakah ahli-ahli itu 100%

terdiri daripada Kerajaan Negeri Selangor ataupun semua ahlinya datang daripada Jabatan Perdana Menteri untuk Jawatankuasa Penempatan Alternatif bagi pekerja-pekerja dan penduduk-penduduk di kawasan Putrajaya itu.

Mengenai sistem pengangkutan yang bakal diadakan di kawasan itu, saya pun tertarik kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu beliau pernah sebut mengenai trem, the rel-bus dan teksi. Saya pun tidak tahu adakah teksi khas untuk kawasan itu adalah teksi ultra-moden ataupun teksi seperti yang kita saksikan di Subang Jaya sahaja dan juga untuk lebuhraya khas. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan lebih teliti apakah yang dimaksudkan? Kerana bagi pandangan saya sistem pengangkutan adalah sangat penting kerana kita mesti bukan sahaja menghubungkan semua bandar-bandar, terutamanya Kuala Lumpur, kerana ia adalah satu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan satu sistem itu mesti diadakan dengan sempurna, bahkan juga dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Adakah satu sistem khas akan diadakan di antara Subang dengan Putrajaya kerana ini pun ada berkaitan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang?

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Adakah pihak kerajaan akan menggunakan sistem kereta api landasan berkembar ataupun ini akan termasuk 'light rail transit' juga, kita sambung ke kawasan itu. Adakah pihak

kerajaan akan menggunakan ataupun menyambungkan kepada sistem-sistem yang sedia ada di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor?

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Ledang.

4.01 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail (Ledang): Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Maksud B.7 dan saya mengucapkan tahniah di atas kesungguhan pihak kerajaan dalam usaha mengangkat martabat agama Islam melalui program kelas Al-Quran dan kelas Fardu Ain dan dalam usaha memantapkan tarbiah Islam di peringkat yang paling asas ini. Peruntukan tambahan yang disediakan sebanyak RM59.3 juta adalah satu manifestasi yang jelas tentang kesungguhan pihak Kerajaan Barisan Nasional ke arah matlamat yang amat murni ini.

Tuan Pengerusi, kelas-kelas Al-Quran dan Fardu Ain merupakan asas yang cukup penting dalam konteks menyediakan pendidikan ataupun tarbiah Islam kepada kanak-kanak. Oleh itu, bukan sahaja ianya memerlukan satu peruntukan yang sesuai dan munasabah, malah kelas-kelas tersebut perlu disusun dan diberikan satu perancangan yang rapi dan sempurna. Lebih-lebih lagi dari segi penyelarasan dan kesesuaian kurikulum supaya pendidikan awalan ini dapat memberikan kesan yang mendalam terhadap kanak-kanak termasuk aspek pembentukan sahsiah

mereka supaya kita dapat melahirkan insan Islam yang benar-benar mampu menghayati ajaran Islam.

Tuan Pengerusi, oleh itu guru-guru Fardu Ain ini di samping kelayakan asas yang perlu ada, mestilah mendapat latihan bimbingan dan kursus-kursus sambilan tentang minat dan psikologi kanak-kanak dengan sempurna supaya mereka bukan sahaja setakat mampu menyampaikan ilmu pengetahuan kepada kanak-kanak ini, malah mampu menyampaikan satu proses pendidikan yang berkesan dan memantapkan penghayatan anak-anak murid mereka terhadap ilmu yang disampaikan.

Tuan Pengerusi, imbuhan dalam bentuk elaun untuk guru-guru ini juga mestilah munasabah dan sesuai dengan peningkatan taraf hidup dan pertumbuhan ekonomi negara yang amat rancak ini supaya mereka lebih berminat dan dedikasi terhadap tugas mereka dan di samping memastikan kebajikan guru-guru ini sentiasa diberikan perhatian. Kita juga mahu memastikan tidak ada lagi sungutan daripada guru-guru ini tentang elaun bulanan yang sering lambat dibayar kepada mereka. Misalnya di Johor, hingga tahun lalu, kita menerima aduan ada guru-guru ini yang tidak dibayar elaun bulanan mereka selama 4 atau 5 bulan, malah kadang-kadang lebih daripada itu. Keadaan ini sudah pasti menyulitkan guru-guru tersebut dan menjejaskan prestasi perkhidmatan mereka.

Saya harap dapat Dewan ini dimaklumkan sama ada masalah seperti ini masih berlaku ataupun sebaliknya. Jikalau ini dibiarkan berterusan, kerena pentadbiran seperti ini sudah

pasti akan menjejaskan niat murni kerajaan terhadap matlamat pengwujudan kelas-kelas Fardhu Ain ini.

Pihak kerajaan tidak syak lagi telah melaksanakan tanggungjawab dan komitmennya. Oleh itu, adalah menjadi harapan kita agar jentera pentadbiran di segenap peringkat dapat bersama-sama memikul iltizam ini dengan sempurna supaya matlamat dan wawasan negara dapat direalisasikan.

Tuan Pengerusi, selain daripada imbuhan dalam bentuk elaun, kursus-kursus sambilan guru-guru ini juga hendaklah diberikan pertimbangan yang lebih istimewa. Jika mereka memohon untuk memasuki maktab-maktab perguruan berdasarkan kepada sumbangan dan pengalaman mereka sebagai guru-guru Fardhu Ain, jikalau mereka memenuhi ciri-ciri dan syarat-syarat yang melayakkan mereka diterima belajar di maktab-maktab.

Tuan Pengerusi, saya rasa Dewan ini tidak keberatan menyokong peruntukan-peruntukan tambahan seperti ini dan lain-lain seumpamanya untuk tujuan yang baik dan murni ini.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, yang duduk di belakang. Balik Pulau.

4.06 ptg,

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, merujuk kepada Maksud B.7—Jabatan Perdana Menteri, Pecahan (III) iaitu perbelanjaan tambahan sebanyak RM1/2 juta untuk membiayai kegiatan-

kegiatan pemulihan dan kaunseling bekas ahli-ahli Al-Arqam.

Saya ingin bertanya kepada menteri yang berkenaan kerana ini merupakan tambahan mungkin kepada pembiayaan asal untuk tujuan yang sama. Apakah jumlah total jika dicampurkan dengan jumlah tambahan yang telah dibelanja untuk maksud yang sama?

Yang keduanya, saya ingin dapat diberi penjelasan tentang apakah kegiatan-kegiatan pemulihan dan kaunseling yang telah dijalankan dengan menggunakan peruntukan ini? Siapakah yang menjalankan kegiatan-kegiatan pemulihan dan kaunseling yang dimaksudkan? Apakah ukuran yang dikenakan untuk menilai keberkesanan usaha-usaha yang telah diambil oleh kerajaan untuk memulihkan bekas ahli-ahli Al-Arqam ini. Secara umumnya oleh kerana fenomena Al-Arqam ini merupakan satu yang agak serius dan mempunyai implikasi sosial luas, saya juga ingin bertanya kepada menteri yang berkenaan, apakah mekanisme yang ada, yang diwujudkan sama ada melalui kaunseling secara terus kepada ahli-ahli Al-Arqam ataupun secara umumnya untuk mengawasi fenomena yang seperti ini, yang kita tahu ada juga pertubuhan-pertubuhan yang berunsur seperti Al-Arqam ini tetapi yang bukan macam Al-Arqam yang juga beroperasi ataupun wujud di dalam negara kita. Al-Arqam merupakan yang terbesar dan yang telah dibiarkan begitu lama hingga sampai kepada tahap sebelumnya diharamkan.

Jadi, untuk Maksud B.7, itulah sahaja yang hendak saya katakan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Alor Gajah. Selepas ini, Jabatan Perdana Menteri menjawab.

4.10 ptg.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof (Alor Gajah): Terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberi peluang untuk memberi sepatah dua kata.

Saya ingin merujuk kepada Maksud B.7 dan P.7. khususnya kepada peruntukan tambahan untuk membiayai kerja-kerja awal pembangunan serta kerja-kerja tanah dan infrastruktur dan bagi melaksanakan program-program pembangunan Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita sedia maklum bahawa mengikut kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa beliau membentangkan Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya di dalam Dewan yang mulia ini pada tempoh hari, Putrajaya sudah pasti akan muncul sebagai satu bandar raya yang termoden di dunia, sama ada daripada aspek arkiteknya atau landscapenya ataupun suasana persekitarannya. Bandar raya ini juga, yang terletak di tengah-tengah tasik buatan manusia ini akan menggunakan berbagai-bagai kemudahan dan peralatan canggih yang mana sesuai sebagai city of the 21st century, dengan izin.

Kita juga telah difahamkan bahawa kos pembangunan Putrajaya adalah dalam lingkungan RM20 bilion yang

terdiri daripada, antara lain, infrastruktur dan pejabat kerajaan dan kemudahan awam sebanyak RM15.29 bilion dan perumahan dan perdagangan sebanyak RM4.1 bilion. Apa yang ingin saya menarik perhatian di sini ialah agar kos pembangunan sebanyak RM20 bilion ini tidak dimonopoli semata-mata oleh kontraktor-kontraktor asing. Apa gunanya kita mereka bentuk bangunan yang bersenibinakan Islam atau bercirikan budaya Malaysia, tetapi kontraktor yang membinanya ialah dari negara-negara asing?

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita tahu juga, dalam aspek pembangunan Putrajaya, kerja-kerja yang akan dilaksanakan adalah untuk pembangunan infrastruktur dan landscape dan tidak ada bangunan pencakar langit seperti menara KLCC ataupun KL Tower dan memandangkan kerja-kerja pembangunan infrastruktur dan landscape adalah mudah tetapi moden, saya percaya, kontraktor-kontraktor tempatan, termasuk kontraktor bumiputera mampu mengendalikan projek-projek di Putrajaya ini.

Oleh itu, saya mengesyorkan supaya pihak Perbadanan Putrajaya yang akan diperbadankan nanti atau mana-mana agensi kerajaan yang bertanggungjawab memastikan agar banyak kontraktor-kontraktor tempatan dan khususnya kepada kontraktor-kontraktor bumiputera yang berkemampuan digunakan dalam arus pembangunan Putrajaya ini.

Dengan menggunakan kontraktor-kontraktor tempatan, bukan sahaja wang RM20 bilion yang akan

dibelanjakan untuk pembangunan Putajaya akan berputar dalam pasaran negara dan dengan secara langsung menjimatkan pertukaran asing kita, bahkan juga anak cucu kita akan dapat berbangga dengan pembangunan bandaraya yang moden ini dibina oleh nenek moyangnya.

Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri, minta jawab.

4.14 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Pengerusi, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan membuat berbagai-bagai saranan kepada Jabatan Perdana Menteri mengikut Perbekalan Maksud B.3, B.7 dan P.7 sebentar tadi.

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong semuanya adalah terkandung di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membaca bacaan kali yang kedua bagi Akta Perbadanan Putrajaya dan juga telah diterangkan dengan jelasnya oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa menggulung Akta Perbadanan itu.

Ahli Yang Berhormat membangkitkan Kelas Fardu Ain dan Al-Quran, saya mengucapkan terima kasih di atas prihatin dan sokongan Ahli-ahli Parlimen dan ahli-ahli politik tentang kelas ini. Sukalah saya katakan bahawa projek Kelas Fardu Ain dan Al-Quran ini ialah satu program besar di seluruh

negara. Kita hendak kembali kepada pendidikan yang asas dalam masyarakat Islam yang lama dahulu, iaitu setiap anak-anak yang kecil ini mentor—ada orang yang mengendalikan hal-hal peribadi dan hal-hal kesopanan serta akhlak kepada mereka.

Perkara ini telah terlepas pandang apabila kita merdeka apabila kita masukkan pelajaran dan pendidikan Islam dalam kurikulum kebangsaan, maka pada masa itu pemikiran umum, Malaya baru merdeka dan tumpuan kita kepada sains dan teknologi, sains dan hisab, maka kelas-kelas Quran di kampung-kampung yang dianjurkan oleh Jabatan Agama dikatakan mesti ditutup kerana bercanggah dengan Akta Pelajaran 1961 di mana Akta itu berbunyi bahawa,

“Tidak ada seorang murid boleh didaftarkan di dua buah sekolah”.

Maka tafsirannya ialah, sekolah-sekolah agama yang didirikan oleh Jabatan Agama oleh rakyat perlu ditutup kerana murid tidak boleh pergi ke situ sebagai sekolah yang kedua. Hasilnya, generasi kecil pada masa itu sekarang ini sudah menjadi orang dewasa. Kalangan yang berumur 40-an dan awal 50-an inilah orang-orang itu yang sekolahnya ditutup dan akan mereka inilah yang berumur 18 tahun, 20 tahun dan 22 tahun itu yang menjadi masalah sosial yang ada pada hari ini.

Kalau kedua ibu bapanya telah mengalami kekurangan pendidikan serupa itu, baca Quran pun tak mampu, soal-soal fardu ain pun tidak ada keyakinan diri, maka anak mereka lebih terbiar lagi. Maka, di atas kesedaran inilah kerajaan berpatah

balik kepada perkara yang asas dalam masyarakat kita, bahawa kelas pengajian Quran dan fardu ain oleh guru Quran sebagai asas ini adalah penting.

Tetapi suka sah saya terangkan, pentadbiran mengenai kelas ini agak sukar kerana tidak ada jentera yang begitu rapi dan Jabatan Perdana Menteri juga mengharapkan pentadbiran ini kepada Jabatan-jabatan Agama, maka ada masalah penambahan peruntukan dan penambahan kerja kepada Jabatan-jabatan Agama untuk mengendalikan kelas-kelas ini.

Tetapi perkara yang dibangkitkan bahawa ada tiga empat bulan belum dibayar imbuhan dan sebagainya, maka itu adalah perkara yang telah lepas. Sebab-sebab ialah kerana guru-guru yang kita ambil untuk tujuan ini ialah betul-betul orang yang berwibawa mengikut pandangan masyarakat, tetapi dari segi pentadbiran, ada masalah. Masalah isi borang, borang claim tak betul dan sebagainya. Tetapi perkara ini sudah kita permudahkan dan telah kita selesaikan.

Jadi, tentang kelas Quran dan fardu ain ini, kita akan terus-menerus, dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang-orang politik, kelas ini perlu bagi masyarakat Islam untuk menjaga generasi akan datang dan generasi Wawasan 2020 nanti, kalau tidak kita hanya berbangga dengan gedung, tetapi orang di dalamnya mempunyai banyak kekosongan.

Yang Berhormat dari Balik Pulau membangkitkan soal pemulihan ahli Arqam. Sebenarnya, pemulihan ini

telah dijalankan dengan begitu rapi, terus-menerus oleh kerajaan dan oleh pakar-pakar dalam bidang ini. Malah telah diisytiharkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini, lanjutan daripada kegiatan ini, kerajaan akan menubuhkan pusat pemulihan akidah secara rasmi bagi mengendalikan pihak-pihak yang telah terpesong akidah dan amalan mereka.

Kegiatan atau pemulihan dan kaunseling ini berjalan dengan rapi dengan diatur dengan begitu sempurna dan Alhamdulillah, nampaknya bagi orang dewasa di kalangan mereka telah banyak kembali dan mengaku kesalahan mereka dan balik semula kepada biasa walaupun ada sedikit sebanyak pemimpin yang keras, masih sedang dalam pemerhatian kita terus-menerus.

Tetapi bagi generasi muda di peringkat sekolah yang sekolah mereka ditutup, kita masukkan mereka ke sekolah-sekolah kerajaan dan Alhamdulillah, pemulihan kepada mereka ini berjalan dengan baik. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak televisyen yang menyiarkan tentang pencapaian pemulihan ini beberapa kali tentang murid-murid ini telah kembali kepada pemulihan yang kita kehendaki.

Tentang apakah cara menilai keberkesanan-keberkesanan pemulihan ataupun mekanisme dan pengawalan kepada kumpulan Al-Arqam dan lain-lain, perkara ini kerajaan ambil berat bahawa kita ada jawatankuasa-jawatankuasa bertindak untuk mengatasi hal ini yang berjalan pada masa ini bukan sahaja kepada Al-Arqam dan bekas ahli-ahli Al-Arqam

tetapi juga kumpulan-kumpulan lain yang bercanggah amalan mereka dan kepercayaan mereka dan penyebaran maklumat dan pengetahuan mereka yang bercanggah dengan pegangan umat Islam di negara ini khususnya pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Maka tindakan-tindakan segera kita ambil apabila perkara itu sangat mencabar.

Baru-baru ini kita dapati sebuah buku yang ditulis oleh seorang rakyat Malaysia, Al-Quran itu diterjemahkan mengikut kehendak hatinya tidak berlandaskan ilmu yang sebenar malah nama Al-Quran itu diterjemahkan sebagai 'Bacaan' yang boleh mengelirukan. Maka dengan segera kerajaan mengambil tindakan untuk mengharamkan buku ini. Walau bagaimanapun, keyakinan dan pegangan kumpulan-kumpulan ini terutama sekali anti-hadis yang dibincang dalam masyarakat pada hari ini, kerajaan akan menanganinya dengan lebih teratur dan lebih kemas, tidaklah seperti kata Yang Berhormat tadi berlanjutan begitu lama sebagaimana yang berlaku di dalam Al-Arqam ini.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah tadi membangkitkan soal seni bina dan bangunan-bangunan ini. Maka seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan bacaan kedua bagi Akta Perbadanan Putrajaya bahawa semua artistik dan design dan bangunan-bangunan yang akan dibangunkan akan mencerminkan kehendak dan hasrat nurani rakyat Malaysia. Pesanan Yang Berhormat itu mengenai kemampuan kontraktor tempatan dan bumiputera

untuk menangani dan membangunkan bangunan-bangunan yang ada, memang ini adalah menjadi dasar kerajaan pada masa ini.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang hendak saya terangkan, Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,050,000 untuk Maksud B.3 dan RM62,921,000 untuk Maksud B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,050,000 untuk Maksud B.3 dan RM62,921,000 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10,000,000 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM10,000,000 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1995.

Maksud B. 16 (Jadual)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepada B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Seputeh.

4.23 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa perkara tentang B.16 iaitu Jabatan Perkhidmatan Bomba di mana peruntukan tambahan diminta sejumlah RM1.43 juta.

Tuan Pengerusi, tugas pasukan bomba semakin mencabar menjelang abad ke-21. Apakah dalam menghadapi cabaran ini, pasukan bomba sekadar digunakan untuk mengawal dan memadamkan kebakaran sahaja? Kalau pasukan bomba perlu dibentuk sebagai skuad penyelamat, apakah mereka telah dilengkapi dengan peralatan canggih? Tuan Pengerusi, tugas menyelamatkan mangsa yang terperangkap dalam kemalangan jalan raya tidaklah boleh bergantung kepada alat mengawal dan memadamkan api sahaja. Oleh itu, pasukan bomba juga perlu diperlengkapkan dengan kemudahan yang boleh digunakan dalam usaha menyelamatkan mangsa yang tersepit atau terperangkap dalam kemalangan jalan raya. Misalnya pasukan bomba juga perlu mempunyai kren sendiri ketika diminta memberikan bantuan keselamatan dalam kes kemalangan jalan raya. Tentulah mereka terpaksa mendapatkan bantuan pihak lain sekiranya mahu menggunakan kren. Siapa akan menanggung kos menyewa kren dan kelengkapan yang diperlukan apabila pasukan bomba tiba di tempat kemalangan?

Tuan Pengerusi, cabaran yang dihadapi oleh pasukan bomba sekarang bukan lagi mengawal dan memadamkan kebakaran sahaja tetapi sejak beberapa tahun lalu mereka telah dikerah untuk membantu sebagai

skuad penyelamat. Apakah yang boleh mereka selamatkan kalau pasukan ini tidak dilengkapi dengan peralatan yang sesuai dengan tugas mereka? Bagaimana kalau berlaku kebakaran di bangunan-bangunan tinggi seperti pernah terjadi kepada bangunan ibu pejabat Bank Bumiputera di Jalan Melaka beberapa tahun lalu? Sekalipun pasukan bomba sekarang sudah dilengkapi dengan tangga skyrise tetapi mereka belum teruji lagi dengan keadaan kes kebakaran di bangunan-bangunan tinggi. Apakah kelengkapan yang ada sekarang boleh menjamin keberkesanan sekiranya berlaku kebakaran di bangunan-bangunan tinggi?

Tuan pengerusi, kelambatan pasukan bomba datang memberikan bantuan sudah lama menjadi rungutan orang ramai. Sekalipun mereka sedar dengan tanggungjawab pasukan bomba tetapi kelambatan itu mencerminkan tahap kecekapan pasukan bomba masih diragui. Apakah persediaan kementerian bagi mempertingkatkan tahap kecekapan pasukan bomba dalam menghadapi cabaran abad ke-21 itu?

Kebakaran yang berlaku di Jalan 9, Kampung Baru Salak Selatan pada 7hb Ogos 1995 bermula jam 12.05 tengah hari tetapi pasukan bomba tiba memberikan bantuan kira-kira jam 12.35 tengah hari. Ketika ini api sudah merebak ke rumah yang kedua menyebabkan mangsa mengalami kerugian yang teruk. Dalam tempoh setengah jam tentulah api boleh memusnahkan kawasan berdekatan. Apakah jaminan kementerian bahawa kejadian demikian boleh diatasi segera?

Tuan Pengerusi, apakah setiap masa tahap kecekapan pasukan bomba tidak memperlihatkan perubahan? Sama ada kerajaan sedar bahawa negara yang pesat membangun memerlukan pasukan bomba yang cekap dan pantas bertindak. Adakah kelambatan pasukan bomba ini disebabkan tahap kecekapan mereka masih belum mampu menghadapi cabaran atau kelemahan kementerian yang tidak melengkapkan pasukan bomba dengan peralatan canggih? Dalam masa berapa tahun lagikah pasukan bomba kita benar-benar ditingkatkan kecekapan mereka? Kejadian yang berlaku di Kampung Baru Salak Selatan pada 7hb Ogos 1995 telah menyebabkan mangsa mengalami kerugian harta benda yang teruk, sudah tentu pula mangsa kebakaran ini menanggung penderitaan akibat kerugian tersebut. Malah mereka sukar untuk mendapatkan mana-mana skim perumahan sama ada dari kerajaan mahupun DBKL.

Tuan Pengerusi, oleh itu kecekapan pasukan bomba mestilah dipertingkatkan bagi menjamin pasukan bomba boleh sampai ke tempat kejadian dalam masa beberapa minit sahaja. Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mempertingkatkan tahap kecekapan pasukan bomba atau balai bomba akan didirikan berhampiran dengan kawasan perumahan bagi menjamin pasukan bomba boleh tiba dalam masa beberapa minit selepas menerima panggilan kecemasan?

Tuan Pengerusi, pembangunan dan pembesaran jalan menyebabkan banyak paip bomba di tepi jalan telah dimusnahkan. Adakah paip-paip bomba yang dimusnahkan itu tidak

perlu diganti lagi? Ketidakadaan paip bomba juga boleh menghalang kerja-kerja dan tugas pasukan bomba mengawal kebakaran. Kebakaran di kilang Caprico Manufacturing Sdn. Bhd. di kawasan perindustrian Beranang pada 2hb Mei 1995 menimbulkan kesulitan kepada pasukan bomba yang tiba selepas menerima panggilan kecemasan jam 10.05 pagi. Pasukan bomba mengambil masa 30 minit untuk mengawal kebakaran disebabkan tekanan air di situ rendah. Sekali pun pasukan bomba dapat mengawal kebakaran dan mengatasi masalah tekanan air yang rendah, tetapi adakah kerajaan berpuas hati dengan prestasi demikian setelah mangsa kebakaran menanggung beban kerugian lebih RM300,000.

Tuan Pengerusi, paip bomba diadakan boleh membantu ketika pasukan bomba menghadapi masalah dengan tekanan air yang rendah. Oleh itu, mana-mana paip bomba yang dimusnahkan ketika kerja-kerja membesarkan jalan dibuat hendaklah diganti segera. Banyak tempat yang membabitkan pembangunan dan pembesaran jalan sudah memusnahkan paip-paip bomba ini. Apakah langkah positif yang diambil bagi menjamin paip bomba itu tidak dimusnahkan? Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tambun.

4.34 ptg.

Tuan Haji Husni bin Hanadzlah: Tuan Pengerusi, mengenai dengan Maksud B.16, saya ingin menyentuh tentang pengurusan paip bomba iaitu

pengurusan paip bomba yang baru dan juga pengendalian/penyelenggaraan yang lama.

Mengenai yang baru Tuan Pengerusi, kita dapati bahawa di kebanyakan kawasan perumahan baru mahupun yang lama, tidak dibina paip bomba yang baru. Sebagai contoh, di Kampung Manjoi umpamanya, berlaku kebakaran dan paip bomba tidak ada di tempat kebakaran tersebut. Dalam sebuah kampung yang mempunyai sebanyak 37,000 penduduk hanya mempunyai beberapa paip bomba sahaja.

Mengenai dengan penyelenggaraan paip bomba yang lama ini, saya dapati bahawa terjadi kes di Tanjung Rambutan di mana bila berlaku kebakaran, kereta bomba datang tetapi tidak ada saluran air kepada paip bomba berkenaan. Ini bermakna bahawa penyelenggaraan paip bomba tidak dijalankan dengan baik. Dalam perbincangan saya dengan Pegawai Bomba Negeri, dia menyatakan bahawa peruntukan untuk pembinaan paip bomba baru tidak banyak. Begitu juga dengan penyelenggaraan paip bomba. Saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya perkara-perkara ini diambil perhatian terutama di dalam keadaan di mana pembangunan sedang pesat berlaku.

Perkara kedua mengenai dengan Maksud B.16 mengenai dengan Pasukan Sukarela untuk menangani kebakaran di satu-satu kawasan. Kita dapati bahawa apabila berlaku kebakaran, bila kita memanggil kereta bomba kadang-kala ia memakan masa untuk sesebuah kereta bomba untuk sampai ke satu-satu kawasan. Saya

ambil contoh di bandar Ipoh. Balai bomba terletak cukup jauh dengan sesebuah kampung. Kalau saya boleh ambil contoh seperti Kampung Manjoi tadi iaitu balai bomba terletak lebih kurang 7 km daripada kampung tersebut dan ia memakan masa untuk sampai, apatah lagi dengan kesesakan jalan raya. Saya percaya tempat yang begitu ramai penduduk seperti Kampung Manjoi dengan rumah yang begitu padat, lebih kurang 4,000 buah rumah, kita memerlukan pasukan sukarela untuk melawan kebakaran jika berlaku dengan diberikan peralatan yang secukupnya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Balik Pulau .

4.37 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk bercakap tentang Maksud B.16 Jabatan Perkhidmatan Bomba tentang peruntukan tambahan sebanyak RM1.43 juta untuk membiayai emolumen untuk mengisi jawatan baru.

Yang pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli Jabatan Perkhidmatan Bomba yang mana saya rasakan perkhidmatan mereka kerapkalinya orang under-rate kerana dalam keadaan yang serba moden sekarang, kebakaran yang banyak melibatkan chemical, bangunan-bangunan yang tinggi menjadikan perkhidmatan bomba ini satu jawatan boleh membahayakan nyawa dan sudah tentu tetapi hakikat itu saya rasa satu yang selalunya orang

tidak perhatikan, orang tidak associate keberanian dan hero kepada ahli-ahli bomba ini.

Dalam konteks itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri dalam emolumen dan juga skim perkhidmatan ahli-ahli Jabatan Perkhidmatan Bomba ini selain daripada gaji, apakah ada satu skim, saya yakin sudah ada tetapi sekadar hendak mendapat penjelasan dari segi yang melindungi keluarga ahli-ahli bomba jikalau ahli bomba tersebut mengalami kecederaan yang permanent ataupun meninggal dunia dalam menjalankan tugas-tugasnya. Jadi, apakah ada satu insurans ataupun jaminan yang ada di dalam skim perkhidmatan ahli bomba yang melindungi anak-anak dan juga isteri seseorang ahli bomba?

Yang keduanya saya ingin bertanya juga tentang jawatan-jawatan baru yang diwujudkan di Jabatan Perkhidmatan Bomba sama ada pertambahan jawatan-jawatan tersebut, ada juga jawatan-jawatan yang melibatkan pendidikan dan juga liaison dengan awam. Kita merasakan satu daripada pihak Jabatan Bomba juga bersetuju the best strategy dalam kebombaan ini ialah untuk prevent kebakaran dari berlaku in the first place. Jadi, kita rasakan aspek-aspek perhubungan awam antara Jabatan Bomba dan juga pendidikan tentang kebakaran daripada sekolah rendah lagi hinggalah di peringkat universiti menerusi apa juga program, kokurikulum seperti yang ada sekarang.

Saya merasakan sebenarnya dan juga kepada kilang-kilang, kepada operator-operator IKS ataupun kilang-kilang besar ataupun mereka yang

menjalankan urusan yang menggunakan chemical dan sebagainya. Kita rasakan aspek-aspek keselamatan kebakaran, pendidikan mengenai bahan-bahan kimia yang digunakan.

Sekarang ini misalnya, terdapat banyak kediaman yang bukan landed property yang bangunannya tinggi-tinggi. Saya rasakan oleh sebab ada perubahan-perubahan macam ini, aspek pendidikan tentang kebakaran ini dan juga perhubungan awam antara Jabatan Bomba dengan awam perlu dan hendaklah diperluaskan dan mungkin dalam pertambahan jawatan-jawatan yang dimaksudkan ini ada termasuk jawatan-jawatan yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan tersebut.

Saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) 1995 ini, Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

4.42 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.16. Saya pun seronok juga dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada, tadi ia berminat dengan bukit-bukau, sepatutnya sekarang dia menumpukan perhatian kepada bomba.

Yang pertamanya, saya hendak menyentuh mengenai bahan-bahan berbahaya (hazardous material), unit-unit 'Hazmat' ini yang sedang dan akan dilaksanakan.

Saya diberitahu bahawa hampir RM29 juta telah diperuntukkan oleh pihak Jabatan Bomba untuk

melaksanakan Skim Hazmat ini. Jadi, bolehkah Yang berhormat menyatakan setakat mana sistem ini dapat dijayakan dan bagaimana ia dapat mengurangkan kejadian atau insiden kebakaran di negara ini?

Menurut Menteri bahawa Sistem Hazmat ini memerlukan wang yang banyak lebih RM3 juta satu unit dan setakat ini berapa kawasan dan berapa buah negerikah sudah pun menyiapkan unit-unit seperti ini? Mudah-mudahan dengan alat-alat dan unit-unit yang lebih canggih ini, kita dapat mengurangkan kejadian kebakaran di negara ini yang terdapat hampir 14,000 kes pada tahun lepas, ada mangsa kematian dan juga mangsa kecederaan, kerana kebakaran ini yang anggarannya mewujudkan kerugian hampir RM371 juta. Saya berharap dengan adanya unit Hazmat itu kita dapat mengurangkan kejadian kebakaran ini.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam usaha untuk memperbaiki kawalan dan kelengkapan untuk menyaingi dan mengawal kejadian kebakaran di negara ini. Apakah biasanya yang dibuat untuk menjaga pili-pili bomba diseluruh negara? Misalnya, dari semasa ke semasa di kawasan Kepong saya ada membuat laporan kepada pihak Bomba dan juga pihak Bekalan Air untuk memperbaiki pili-pili bomba, kerana kekurangan kesedaran sivik, orang ramai pun kadangkala merosakkan pili-pili bomba ini. Jadi, bagaimana pihak kementerian dapat mengawal kejadian seperti ini?

Satu perkara lagi ialah apakah kriteria yang digunakan oleh pihak

kementerian untuk memastikan keperluan pili-pili bomba ini? Misalnya di beberapa kawasan di Jinjang Utara, Kepong, di West Road 14, West Road 15, West Road 16, saya tidak nampak pili bomba, mungkin saya tidak pandai cari. Kalau ada kejadian kebakaran macam mana kita dapat air? Di West Road 14, West Road 15 dan West Road 16 itu satu kawasan dan banyak lagi kawasan, sebab saya tidak tahu apakah kriteria yang digunakan oleh pihak kementeriannya untuk memastikan adanya pili-pili bomba yang diperlukan.

Satu perkara lagi ialah mengenai tekanan air. Apabila berlakunya kebakaran, apakah faktor yang menyebabkan tidak ada tekanan air? Kalau tidak ada tekanan air, maka susahlah bagi pihak anggota bomba untuk memadamkan kebakaran. Apakah usaha yang diambil oleh pihak kementeriannya dari semasa ke semasa untuk mengkaji kelemahan-kelemahan seperti ini? Adakah rundingan atau penyelarasan sentiasa diadakan di antara pihak kementerian dengan Jabatan Bekalan Air untuk memastikan tekanan air itu sentiasa ada di dalam tahap yang memuaskan untuk mengawal kebakaran di negara ini?

Mengenai Computerise Monitoring System (CMS), saya pun tidak tahu macam mana CMS ini dapat dilaksanakan dan bagaimana dapat mengurangkan insiden kebakaran. Saya diberitahu bahawa sejak tahun yang lepas pihak kementeriannya sudah pun mengadakan CMS ini di beberapa tempat, di Johor, Selangor dan Pulau Pinang. Jadi, apakah arahan yang telah pun dikeluarkan oleh pihak kementeriannya untuk CMS ini

diterima dan dilaksanakan di kawasan-kawasan yang diperlukan? Apakah kriterianya? Misalnya, adakah dengan KLCC twin tower ini, yang saya percaya CMS diperlukan untuk bangunan yang begitu tinggi, kerana dengan bangunan yang begitu tinggi alat-alat yang ada, yang saya sering kali sebutkan di Dewan yang mulia ini kita mempunyai kelengkapan yang boleh mencapai bangunan tinggi. Dengan keadaan yang sedemikian, sistem-sistem seperti CMS ini mungkin diperlukan untuk mengatasi masalah kelengkapan yang tidak sampai ke bahagian yang tinggi.

Satu unit CMS berapa purata kos yang diperlukan untuk di setiap tempat? Adakah ini bermakna pihak para penduduk dan pihak-pihak yang lain dapat memberi amaran dalam tempoh 24 jam, termasuk hari-hari kelepasan? Dalam tempoh 24 jam kalau berlakunya kebakaran, pihak online boleh sambung kepada stesen-stesen bomba dan mereka dapat berusaha untuk memadamkan kebakaran.

Tuan Pengerusi, mengenai jawatan-jawatan di Jabatan Bomba, pada akhir tahun lepas pihak kementerian sudah pun mengumumkan bahawa 1,200 jawatan baru akan diwujudkan untuk Jabatan Bomba. Adakah ini telah dilaksanakan untuk tahun ini dan kalau belum dilaksanakan, apakah faktor-faktor yang menyebabkan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam tidak dapat meluluskan jawatan-jawatan yang baru ini untuk menampung keperluan. Setahu saya, anggota bomba lebih 7,000 orang dan adakah 1,200 orang ini hanya anggota kakitangan di dalam jabatan sahaja, bukan anggota-

anggota bomba? Saya mempunyai banyak soalan hari ini untuk Timbalan Menteri kerana dia asyik dengan bukit-bukau dan hari ini kita hendak dia menumpukan perhatian kepada bomba dan usaha-usaha untuk memperbaiki sistem bomba ini.

Tuan Pengerusi, akhir sekali mengenai "safety triagle" (keselamatan segi tiga). Dengan adanya segi tiga ini mungkin anggota-anggota bomba dapat memasuki bangunan-bangunan dengan lebih cepat. Apakah yang dimaksudkan dengan "keselamatan segi tiga" ini dan bagaimana ia dapat dilaksanakan? Apakah yang dimaksudkan dengan "soft triangle"—segi tiga lembek? Bermacam-macam istilah diadakan untuk memperbaiki perkhidmatan bomba dan kita sukalah di dalam latihan untuk memperbaiki mutu dan prestasi anggota-anggota bomba ini, sama ada "soft triangle" atau "hard triangle" ataupun "safety triangle" kita berharap latihan ini dapat dipertingkatkan. Ini bukan sahaja di dalam kemahiran untuk memadam kebakaran bahkan juga masalah etik pula.

Kebanyakan anggota bomba itu baik dan etik mereka tinggi dan mungkin ada segelintir yang tidak mempunyai etik yang begitu tinggi dan inilah berlaku masalah dan aduan-aduan diterima dan susahlah bagi pihak kami untuk memberi bukti dan saksi untuk mengesahkan dan berlakunya penyelewengan. Sebab itulah saya menekankan bahawa usaha perlu diambil untuk meningkatkan latihan bukan sahaja dari segi kemahiran bahkan juga dari segi etik. Sekian, terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dari kawasan mana, Yang Berhormat?

Tuan Chia Kwang Chye: Bukit Bendera.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Selepas Yang Berhormat berucap, kementerian akan menjawab.

4.35 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Maksud B. 16 di mana anggaran perbelanjaan berjumlah RM1.43 milion dikehendaki untuk membiayai bayaran emolumen bagi pengisian jawatan-jawatan baru di balai-balai bomba yang baru di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Saya menyokong perbelanjaan ini kerana pembinaan balai raya yang baru adalah selaras dengan pembangunan yang kita hadapi ini. Perkhidmatan bomba dan pembinaan balai bomba termasuk perjawatan pegawai-pegawai bomba adalah satu perkhidmatan yang asas di dalam sistem kawalan keselamatan sosial dalam negara kita.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau bahawa prestasi dan sikap pegawai bomba adalah baik. Jabatan Perkhidmatan Bomba dan pegawainya selalu menjalankan tugas di mana risikonya sangatlah tinggi seperti kebakaran bangunan atau hutan, kebakaran chemical dan berkaitan dengan letupan, kemalangan jalan raya dan sebagainya. Ini cuma beberapa tugas yang biasanya dijalankan oleh pegawai-pegawai

bomba tetapi tugas pegawai-pegawai bomba adalah lebih luas daripada ini. Apa juga masalah atau kecemasan yang tidak boleh diatasi kita panggil bomba juga. Kita semua tahu bahawa balai bomba selalu menerima banyak panggilan kecemasan termasuk panggilan palsu oleh orang-orang awam termasuk suri rumah tangga. Ada ular pun panggil bomba, pokok runtuh pun panggil bomba. Nasib baik ada "hantu" tidak panggil bomba. Kalau tidak, pasukan bomba pun akan dipanggil "ghost buster".

Oleh sebab ini, saya bercadang bahawa syarat-syarat perkhidmatan bomba dikaji semula supaya gantirugi dan insurans dapat dipertingkatkan memandangkan tugas-tugas yang dilaksanakan oleh pegawai bomba selalunya menghadapi risiko yang tinggi dan berkaitan dengan kecemasan. Saya berharap bahawa latihan yang lebih lengkap dan moden dapat diberi kepada pegawai bomba.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pembinaan balai bomba, saya mencadangkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Bomba mengkaji semula pelan-pelan atau rancangan pembinaan balai bomba dalam Rancangan Malaysia Ketujuh Kemungkinan besar bahawa program-program pembinaan balai bomba baru itu tidak selaras dengan pembangunan yang sewajar dengan sesuatu kawasan itu. Sebagai contoh, Batu Feringgi di negeri Pulau Pinang adalah satu tempat destinasi pelancong yang terkenal di Malaysia dan di seluruh dunia. Banyak hotel-hotel bertaraf international pun telah dibina dan beroperasi. Bilangan rumah dan penduduk-penduduk pun telah bertambah dan akan bertambah lagi.

Tetapi pada pengetahuan saya. Jabatan Perkhidmatan Bomba tidak ada rancangan untuk membina sebuah balai bomba baru di Batu Feringgi. Saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat menimbang cadangan saya untuk mengkaji semula program-program pembinaan balai bomba di seluruh negara khususnya di Batu Feringgi, Pulau Pinang.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tambun berkenaan dengan masalah yang dihadapi dalam mengawal api, iaitu berkenaan dengan pili bomba. Saya difahamkan bahawa peruntukan pembinaan dan maintenance pili bomba untuk negeri-negeri khasnya negeri Pulau Pinang adalah terlalu rendah. Untuk Pulau Pinang peruntukan setahun, seperti yang saya ingat cuma cukup untuk membina 10 pili bomba setahun. Saya berharap peruntukan yang lebih banyak dapat diperuntukkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta pihak kementerian menjawab.

4.48 ptg.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas peruntukan tambahan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkenaan dengan Perkhidmatan Bomba.

Ahli Yang Berhormat dari Seputeh telah membangkitkan berkenaan dengan tugas perkhidmatan anggota-anggota bomba, iaitu selain daripada

menyelamatkan ataupun memadam api, juga untuk menyelamatkan mangsa-mangsa kemalangan dan juga di akhir-akhir ini mungkin penubuhan "Skuad Penyelamat" (SMART) juga dianggotai oleh anggota-anggota bomba.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih dalam masalah ini kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, juga Ahli Yang Berhormat dari Tambun dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera yang membangkitkan berkenaan dengan risiko yang dihadapi oleh anggota-anggota bomba. Sebenarnya dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pembangunan bangunan-bangunan yang tinggi dan pencakar langit, maka tugas anggota bomba juga semakin mencabar.

Ahli Yang Berhormat dari Seputeh membangkitkan berkenaan dengan peralatan yang dipunyai oleh bomba untuk menangani kebakaran bangunan-bangunan tinggi. Suka saya nyatakan bahawa setakat ini hanya mempunyai 'sky-lift' yang boleh mencapai tingkat 13 sahaja, sedangkan bangunan-bangunan yang kita dirikan di Kuala Lumpur ada setengahnya sudah mencapai tahap—KL City Centre, 84 tingkat dan KL Tower merupakan bangunan tower ketiga tertinggi di dunia. Dengan adanya bangunan-bangunan yang tinggi ini. Walau setinggi mana sekali pun sky-lift yang kita punyai ataupun kita ada, tidak mungkin kita akan dapat memadam api di bangunan-bangunan begitu tinggi. Dengan itu, yang lebih penting ialah cara kita memberikan latihan ataupun cara kita menyedarkan masyarakat berkenaan, dengan izin, fire prevention.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Seputeh juga bertanya berkenaan dengan persediaan yang disediakan oleh kementerian mengenai dengan masalah ini. Tuan Pengerusi, sukacita saya maklumkan bahawa pada masa ini bomba telah pun mempunyai latihan-latihan yang boleh dikatakan tinggi tahapnya. Ada anggota-anggota bomba dihantar ke luar negeri untuk mengikut latihan mengenai cara-cara memadam api yang lebih canggih.

Berkenaan dengan Skwad Penyelamat (SMART), kita juga telah menyalurkan 25 anggota kita sebagai permulaan untuk menganggotai Skwad Penyelamat ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Seputeh juga membangkitkan berkenaan dengan kelewatan yang diambil oleh pihak bomba untuk sampai ke Salak Selatan pada 7hb Ogos 1995 yang lalu, yang mana kebakaran berlaku pada jam 12.05 tengah hari dan skuad bomba hanya tiba pada pukul 12.35 tengah hari, iaitu setengah jam selepas kebakaran berlaku. Dalam keadaan ini, saya merasakan bahawa setengah jam ini mungkin boleh kita menganggapkan bahawa masa itu lewat. Tetapi di sebaliknya kita boleh juga menganggapkan bahawa anggota bomba kita begitu cekap dan efisien, kerana yang pentingnya selepas kebakaran berlaku, berapa masa yang diambil oleh mangsa-mangsa kebakaran ini untuk melaporkan kepada pihak bomba bahawa kebakaran telah berlaku. Kalau kita lihat masa ini iaitu pukul 12 tengah hari sehingga pukul 2.00 petang merupakan waktu yang agak sesak atau traffic jam di Kuala Lumpur. Jadi, setengah jam

ini, kalau tidak ada traffic jam, mana kita boleh menganggapkan bahawa anggota bomba lewat sampai. Tetapi kalau ada traffic jam dan lewat pula laporan yang diberikan kepada pihak bomba, maka kita boleh menganggapkan bahawa setengah jam ini merupakan masa yang agak cepat bagi pihak bomba sampai ke Salak Selatan.

Apabila sesuatu kebakaran berlaku, kita perlu melihat kepada keadaan sekeliling, apakah rumah-rumah yang dibina ini terdiri daripada rumah batu ataupun rumah papan, sama ada rumah ini rumah banglow ataupun rumah berderet. . . .

Tuan Liew Ah Kim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun, Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar masa tengah hari tidak ada traffic jam, tidak ada kesesakan lalulintas. Maka mengambil masa 30 minit itu, saya berpendapat ini satu masa yang panjang untuk memadam kebakaran yang berkenaan. Dalam masa 30 minit, berapa rumah boleh dijilat oleh api. Itu memang satu perkara yang kecewa, 30 minit.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya bukan berdiri di sini untuk mempertahankan pihak bomba. Tetapi saya cuma menyatakan tadi bahawa kalau kebakaran berlaku jam 12.05 minit, ini bukan saya yang kata, tetapi ini disebut sendiri oleh Yang Berhormat, dan pihak bomba sampai pada 12.35 tengah hari, bermakna setengah jam. Saya

cuma bertanya berapa masa yang diambil oleh mangsa-mangsa kebakaran ini untuk melaporkan perkara ini kepada pihak Bomba. Kalau misalnya tepat 12.05 minit mereka laporkan dan bomba sampai 12.35 tengah hari dan tidak ada traffic jam pada masa itu, maka kita boleh mengatakan bahawa bomba lambat sampai. Tetapi yang penting ialah berapa masa yang diambil oleh mangsa ini untuk memaklumkan kepada anggota bomba bahawa kebakaran telah berlaku.

Tuan Pengerusi, di pihak bomba sendiri, kalau kita ada misalnya kempen 'Inflasi Sifar', pihak bomba juga sekarang ini telah melancarkan satu kempen semasa mereka iaitu untuk melaksanakan 'kebakaran sifar' supaya tidak wujud kebakaran di negara kita ini ada supaya insiden kebakaran dapat dikurangkan, kerana apabila kebakaran berlaku sememangnya cukup susah bagi kebakaran itu untuk dipadamkan. Tetapi yang lebih penting ialah supaya kita dapat mewujudkan keadaan di mana kebakaran tidak berlaku. Ini boleh dilakukan dengan memberi latihan ataupun, dengan izin, education kepada pelajar-pelajar atau murid-murid sekolah dan juga kepada mereka yang misalnya bertugas di bangunan-bangunan yang tinggi.

Kita perlu juga bertanya kepada anggota masyarakat sama ada mereka sedar ataupun mereka telah mengambil kira berkenaan dengan cara-cara untuk mengatasi kebakaran. Kadang-kadang anggota masyarakat sendiri walaupun telah dimaklumkan bahawa di tempat-tempat yang berkenaan tidak boleh

merokok misalnya kerana di tempat-tempat berkenaan dianggap sebagai kawasan yang berbahaya yang senang menyebabkan kebakaran. Tetapi kita masih juga menghisap rokok. Misalnya, kalau kita berhenti motor di stesen-stesen minyak kita tidak boleh merokok dan enjin perlu dipadamkan, dimatikan. Tetapi ada juga anggota masyarakat kita yang tidak berbuat demikian walaupun ada tanda-tanda yang meminta kita berbuat demikian.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Seputeh apabila beliau mengatakan dengan adanya bangunan yang tinggi di Kuala Lumpur, kita perlu ada satu pasukan bomba yang cekap dengan peralatan yang canggih. Saya berharap apabila ada permohonan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mendapatkan latihan bagi pasukan bomba dan juga peralatan yang lebih canggih bagi pasukan bomba kita, Ahli Yang Berhormat dari Seputeh juga akan bersama-sama dengan anggota kerajaan untuk menyokong permohonan yang diperlukan oleh kementerian.

Tuan Pengerusi, saya juga bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Seputeh yang mengatakan bahawa balai-balai bomba perlu dibangunkan atau dibina dekat dengan kawasan-kawasan perumahan. Tetapi pihak bomba sendiri menghadapi masalah, oleh kerana misalnya di Kuala Lumpur, kawasan-kawasan perumahan, tanah-tanah perumahan begitu tinggi harganya, dan ada pihak-pihak swasta yang membangunkan perumahan yang tidak memberikan tapak untuk dibina balai-balai bomba. Dengan sebab itu, pihak

bomba selalu memohon jasa baik daripada pemaju-pemaju perumahan untuk menyediakan tapak kepada pihak bomba untuk didirikan balai bomba. Seandainya pihak bomba terpaksa membeli tanah-tanah ini, misalnya tanah di kawasan Parlimen ini sahaja, mungkin ianya RM100, RM200 sekaki, maka sudah tentulah pihak bomba tidak mungkin mampu untuk membeli tanah-tanah untuk dibangunkan balai bomba dan juga kuarters untuk anggota-anggota bomba di kawasan yang begitu tinggi nilai harga tanah.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kebakaran yang berlaku di kilang di Beranang, bomba mengambil masa 30 minit untuk kawal api kerana tekanan air yang rendah. Sebenarnya pihak bomba membuat pemeriksaan berkenaan dengan tekanan air ini daripada satu masa ke satu masa. Kebiasaannya tiga ataupun enam bulan sekali, kalau kawasan itu kawasan yang baru maka mereka akan memeriksa enam bulan sekali tetapi kalau kawasan itu merupakan kawasan pembangunan yang agak lama, kawasan yang sudah dua puluh tahun, maka pemeriksaan dilakukan tiga bulan sekali.

Kadangkala pihak bomba memang mendapati bahawa paip-paip ini tidak berfungsi tetapi apakan daya oleh kerana bomba hanya menjaga paip air itu sahaja tetapi saluran air untuk sampai ke paip ini kita juga terpaksa memohon kerjasama daripada pihak-pihak yang lain. Kadang-kala dalam masa kita cuba untuk mengatasi masalah ini, maka kemungkinan kebakaran berlaku dan itulah sebabnya kadang-kala apabila kebakaran berlaku, maka tidak ada air ataupun

tekanan air yang kurang di kawasan-kawasan yang berkenaan. Tetapi dalam keadaan-keadaan biasa, pihak bomba sememangnya cuba memastikan bahawa tekanan air dan air di kawasan yang berkenaan cukup untuk mengatasi sebarang kebakaran yang berlaku.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat daripada Tambun juga membangkitkan berkenaan dengan paip bomba yang apabila berlaku kebakaran di Manjoi dan juga di Tanjung Rambutan. Saya tidak pasti sama ada paip-paip bomba di kawasan ini berfungsi atau tidak, tetapi saya akan mengambil perhatian berkenaan dengan perkara ini. Tetapi ada satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun yang menarik perhatian saya iaitu berkenaan dengan mewujudkan bomba sukarela. Seandainya pasukan bomba sukarela ini belum wujud di Manjoi yang merupakan satu perkampungan yang agak besar berhampiran dengan pekan Ipoh, maka saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa pasukan bomba sukarela ini boleh ditubuhkan di Manjoi dan saya sendiri akan berhubung dengan Ahli Yang Berhormat untuk memastikan bahawa mereka daripada Tambun ini boleh diberi latihan dan peralatan yang sesuai dapat diberikan kepada mereka supaya dengan adanya bomba sukarela ini di kawasan Manjoi apabila berlaku kebakaran, walaupun mengambil masa bagi pasukan bomba sampai ke Manjoi, maka pasukan sukarela yang sedia wujud di Kampong Manjoi ini akan dapat memberikan bantuan sementara menunggu ketibaan pasukan bomba.

Saya juga berharap supaya keadaan yang sama dapat diambil perhatian oleh Ahli Yang Berhormat dari Seputeh supaya pasukan bomba sukarela juga boleh ditubuhkan di kawasan Seputeh untuk membantu bomba supaya sementara menunggu ketibaan kereta bomba sekurang-kurangnya pasukan sukarela ini dapat memberi bantuan kepada mangsa-mangsa kebakaran.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau membangkitkan berkenaan dengan tugas anggota bomba yang merbahaya akibat daripada adanya kebakaran yang melibatkan 'chemicals' dan lain-lain. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, yang begitu prihatin di atas nasib anggota bomba dan saya berani mengatakan di sini bahawa walaupun anggota bomba kita terpaksa menghadapi risiko yang begitu tinggi semangat mereka begitu tinggi sekali. Daripada segi peralatan yang dibekalkan oleh kerajaan kepada mereka, satu sut pakaian untuk kita melawan kebakaran harganya hampir RM20,000. Jadi, ini merupakan satu "investment", dengan izin, yang tinggi yang terpaksa diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa anggota bomba yang terpaksa memadamkan api ini dibekalkan dengan peralatan yang agak canggih bagi memastikan mereka tidak menghadapi risiko yang tinggi dalam tugas mereka.

Tuan Pengerusi, Kepong membangkitkan masalah berkenaan dengan RM29 juta yang diperlukan untuk kita memperlengkapkan sistem 'Hazmat'. Sukacita saya maklumkan iaitu dengan

kita mewujudkan sistem ini, pihak bomba telah pun menghantar seramai lebih kurang 40 orang pegawai ke luar negeri untuk mengikuti latihan yang intensif berkenaan dengan "Hazmat" iaitu di United Kingdom, Sweden dan juga Jepun.

Tuan Pengerusi, perkara yang sama telah dibangkitkan oleh Kepong iaitu berkenaan dengan paip bomba. Saya tidak dapat memberikan jawapan pada hari ini berkenaan dengan paip bomba di West Road 14, 15 dan 16, tetapi perkara ini akan saya ambil perhatian dan saya akan berhubung kembali dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepong berkenaan dengan keadaan paip bomba di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan 'Computerised Monitoring System'. Computerised Monitoring System ini adalah satu sistem yang perlu diwujudkan di negara kita untuk mengawal sistem kebakaran. Di negara-negara yang lebih maju, apabila berlaku kebakaran, maka di komputer kita, kita boleh melihat jalan-jalan yang boleh dilalui untuk kita sampai ke tempat-tempat kebakaran. Maka sistem ini jugalah yang akan cuba diwujudkan di negara kita. Misalnya kalau kebakaran berlaku di Kepong dan balai bomba berada di tengah-tengah pekan Kuala Lumpur maka komputer ini akan menunjukkan jalan yang paling senang untuk sampai ke tempat yang berkenaan.

Apabila laporan misalnya katalah West Road 14 membuat panggilan, maka anggota bomba dengan melihat kepada kaca komputer tadi, dengan sendirinya dapat tahu di mana kebakaran berlaku, jalan yang perlu

diambil untuk sampai ke tempat kebakaran supaya dengan cara ini ianya akan mempercepat lagi anggota bomba sampai ke tempat yang berkenaan. Sudah tentulah sebagaimana juga sistem amaran 'alarm system' apabila berlaku kebakaran dan kita tekan di komputer maka di board kita akan menyala lampu menunjukkan di mana bangunan itu berada. Sekarang ini apabila kebakaran berlaku maka anggota bomba terpaksa mencari di mana tempat kebakaran. Tetapi dengan adanya sistem ini kebakaran dapat dikenal pasti, dengan izin, di 'identify' dengan serta merta dan pihak bomba boleh terus menuju kepada tempat kebakaran. Sistem seumpama ini sudah tentulah merupakan satu sistem yang agak tinggi kosnya tetapi untuk kita memastikan bahawa kita dapat mewujudkan sistem kebakaran sifar, maka sistem seumpama ini perlu diwujudkan di pejabat-pejabat bomba.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah berkenaan dengan 'ethics' anggota bomba kita. Suka saya menyatakan bahawa saya tidak menafikan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu kalau saya katakan kesemua 7,000 anggota Bomba kita bersih dan baik maka sudah tentulah saya mungkin tidak bercakap benar. Tetapi suka saya menyatakan bahawa pada keseluruhannya anggota-anggota bomba kita mempunyai 'ethics' yang tinggi dan saya yakin bahawa mereka tidak melakukan penyelewengan. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, dari Tambun dan juga dari Bukit Bendera apabila mereka mengatakan bahawa anggota-anggota bomba kita begitu berani sekali menghadapi risiko untuk memadamkan api.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Berhormat tadi. . . .

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, dua perkara lagi yang tidak dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah menjelaskan mengenai safety triangle, soft triangle dan juga tambahan 1,200 anggota di Jabatan Bomba.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan 1,200 jawatan baru yang akan diwujudkan di Jabatan Bomba, ini adalah untuk mengisi jawatan-jawatan yang diperlukan apabila kita membina balai-balai bomba yang baru. Suka juga saya menyatakan di sini bahawa kita baharu sahaja siap membina balai bomba di Gua Musang, di tempat kita akan mengadakan pilihanraya kecil. Jadi, saya berharap supaya mereka yang mengundi di kawasan Gua Musang juga akan berterima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional yang begitu prihatin berkenaan dengan kebakaran yang mungkin akan berlaku di kawasan mereka.

Berkenaan dengan safety triangle dan soft triangle ini, saya akan memberi jawapan ini kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,430,000 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,430,000 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.26 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Kepong.

5.23 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, nampaknya pihak Kementerian telah menggunakan RM25 juta untuk membiayai kos penggantian kelengkapan usang, pendawaian, pembaikan tandas dan mengecat bangunan terutamanya bagi Fakulti Kejuruteraan, Sains Perubatan, Pergigian dan Pusat Komputer di Universiti Malaya. Setahu saya pihak Universiti Malaya (UM) telah pun mengadakan satu pelan struktur yang akan menelan belanja RM24.3 juta untuk mewujudkan satu alam sekitar yang baik dan kemudahan-kemudahan infrastruktur bagi Universiti Malaya apabila universiti itu dikorporatkan pada 1hb Januari, 1996.

Tuan Pengerusi, saya setuju kita mesti adakan satu suasana dan satu kemudahan-kemudahan infrastruktur (prasarana) yang baik untuk universiti tersebut—bukan untuk Universiti Malaya sahaja, bahkan untuk semua universiti di negara ini. Unit atau pun Jabatan Kejuruteraan sahaja, saya mendapat tahu bahawa sekarang

mereka mengambil tiap-tiap tahun 240 orang pelajar untuk mengikuti kursus kejuruteraan dan oleh kerana perkembangan di Malaysia dan juga keperluan untuk memenuhi tenaga manusia pada masa hadapan. Pada tahun depan, bilangan pelajar yang diambil oleh Universiti Malaya untuk mengikut kursus kejuruteraan ialah 500 orang pelajar. Ini meningkat satu kali ganda. Saya tidak menafikan bahawa kita mesti mengadakan peruntukan untuk memperbaiki bangunan dan juga infrastruktur-infrastruktur di Fakulti Kejuruteraan itu untuk menampung bilangan yang akan ditambahkan pada tahun hadapan. Kita perlukan lebih banyak lagi jurutera dan sekarang kita ada hanya tidak sampai 30,000 orang jurutera di Malaysia dan pada tahun 2000 kita memerlukan mungkin 40,000 atau 50,000 orang jurutera untuk negara ini. Bukan sahaja jurutera, kita juga memerlukan saintis. Di Jabatan Sains saya nampak Fakulti Sains Perubatan, Pergigian dan Pusat Komputer semuanya kita mesti adakah banyak lagi pelajar untuk menampung keperluan di masa hadapan.

Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat menerangkan apabila Universiti Malaya dikorporatkan kelak, siapa yang akan menanggung kos untuk kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti ini. Sekarang pihak Kementerian Pendidikan dan pihak kerajaan menanggung kosnya dan adakah di dalam usaha untuk mengkorporatkan universiti ini semua perbelanjaan akan ditanggung oleh universiti kelak? Kerana setahu saya Universiti Malaya yang merupa '*alma mater*' untuk Yang Berhormat juga dan pernah menjadi professor di dalam Fakulti Ekonomi. Beliau pun tahu di Universiti Malaya memang mempunyai aset, tanah dan kemudahan-kemudahan yang tertentu

yang dapat mewujudkan keuntungan dengan menggunakan aset-aset dan tanah-tanah tersebut. Kalau mengikut sesetengah kakitangan di dalam Universiti Malaya—ada yang berkata 'kita memang mampu untuk mewujudkan keuntungan'. Adakah keuntungan ini akan digunakan untuk menampung segala kos kemudahan-kemudahan di universiti tersebut.

Dalam menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur ini, termasuklah menyediakan bangunan asrama. Pihak universiti telah pun merancang untuk menambah 3 buah asrama baru di dalam kampus untuk menampung semua pelajar di universiti tersebut. Setakat ini hanya 52% pelajar di universiti tersebut yang tinggal dalam kampus dan ini bermakna ada 48% lagi yang tinggal di luar kampus. Adakah pihak kementerian akan menampung kos ini? Kerana setiap bangunan asrama itu menelan belanja sekurang-kurangnya RM15 juta bagi setiap bangunan. Ini bermakna kalau pihak Universiti Malaya akan membina 3 buah bangunan asrama mereka akan memerlukan sekurang-kurangnya RM45 juta untuk ketiga-tiga bangunan itu. Adakah kos ini akan ditampung oleh pihak kementeriannya? Setelah dikorporatkan universiti ini akan bertanggungjawab untuk segala perbelanjaan bagi mewujudkan satu suasana yang telah saya sebutkan yang lebih selesa bagi pelajar-pelajar.

Tuan Pengerusi, di dalam usaha untuk menyediakan kemudahan-kemudahan seperti mana yang sering dibuat dari masa ke semasa oleh pihak kementerian termasuk hari ini, kita pun diminta untuk meluluskan wang yang begitu banyak, yang telah pun

digunakan oleh pihak universiti. Dengan pertambahan pelajar yang lebih banyak, satu kali ganda untuk kejuruteraan dan mungkin di bidang perubatan juga akan ditambahkan, mungkin 50% dan seterusnya di fakulti-fakulti yang lain terutamanya di fakulti-fakulti sains kerana menurut Yang Berhormat Menteri, beliau menyebutkan bahawa bilangan jurusan sains akan ditambahkan. Setakat ini, 60% pelajar ialah jurusan kesesateraan dan jurusan sains hanya 40%. Ini akan meningkatkan mungkin kepada 50% ataupun 60%.

Kalau itulah maksudnya, ini memang memerlukan lebih banyak infrastruktur-insfrastruktur bangunan dan kelengkapan-kelengkapan yang lain dan yang memerlukan perbelanjaan berjuta-juta ringgit. Sukalah saya meminta jawapan dari Yang Berhormat Menteri sama ada perbelanjaan ini akan ditampung oleh pihak kementeriannya dan juga mengenai pelan struktur universiti tersebut, sama ada kesemua ini akan ditampung oleh pihak kerajaan ataupun akan ditanggung oleh pihak universiti sendiri.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bandau

5.33 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau): Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas di bawah Kepala Kementerian Pendidikan.

Tuan Pengerusi, perkara Universiti Malaya memanglah perkara yang begitu umum sekali di saat-saat ini memandangkan perkara penswastan

ataupun pengkorporatannya seperti mana yang sudah pun disentuh oleh beberapa pihak dan Dewan yang mulia ini juga. Ini satu langkah yang memang bukan sahaja dinanti-nantikan juga tetapi dengan penuh harapan oleh rakyat negara ini bahawa langkah untuk mengkorporatkan universiti induk ini akan menjadi satu model untuk tindakan-tindakan masa hadapan negara dari segi program-program yang lain.

Tetapi isu yang utama di sini, Tuan Pengerusi, ialah seperti mana yang kita telah tekankan, maklumat belum lagi banyak didapati tentang apa sebenarnya matlamat yang ingin dicapai oleh kerajaan dan adakah matlamat-matlamat ini akan tercapai dengan langkah yang diambil ini. Maka, seperti mana yang telah kita lakukan dan sekali lagi kita merayu supaya perbincangan yang lebih luas dilaksanakan dan seminar-seminar di mana pelajar dan para akademik dan swasta boleh mengambil bahagian supaya langkah-langkah tertentu yang diambil itu akan menentukan satu proses yang tepat kepada mencapai matlamat-matlamat yang ditentukan.

Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, lewat kita dan kerajaan terus membangunkan universiti-universiti tempatan, harapan kita ialah pihak Kementerian Pendidikan bukan sahaja memberi tumpuan kepada universiti-universiti yang sudah mantap dan sudah tua dari segi usia tetapi dari segi universiti-universiti yang baru.

Dalam Konteks ini, Tuan Pengerusi, saya sentuh penubuhan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah pun memulakan pengambilan pelajar pada

bulan yang lalu dan kita katakan memang syabas dan terima kasih kepada kerajaan kerana kelihatan langkah yang pertama ke arah ini. Tetapi dalam langkah kerajaan untuk membekal kelengkapan universiti-universiti yang telah pun mantap seperti Universiti Malaya, keperluan universiti-universiti yang kecil dan yang baru mula ini seperti UMS hendaklah diberi perhatian yang tepat.

Kita melihat misalnya pada saat ini, Universiti Malaysia Sabah ini belum ada tempat yang tetap, beroperasi di pekan Kota Kinabalu di satu bangunan, Gaya Centre. Saya difahamkan, pada minggu hadapan akan berpindah ke kawasan Yayasan Sabah, Kolej Masyarakat (Community College). Kita ingin tahu apakah tindakan-tindakan yang dibuat untuk tempat yang lebih sesuai, tempat yang lebih tetap.

Dalam soalan yang saya telah tanya dan dijawab secara bertulis, RM1 juta telah pun diberi sebagai peruntukan awal dan memang ini tidak mencukupi untuk keperluan kelengkapan-kelengkapan asas universiti tersebut.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta berucap berkenaan Universiti Malaya.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, Tuan Pengerusi, saya sedar, Saya hanya membuat perbandingan dan menumpukan dari segi perkara ini. Juga saya masih ingat lagi, dahulu Universiti Malaya mempunyai Fakulti Pertanian dan seterusnya dipindahkan ke UPM. Di dalam penubuhan universiti yang baru ini, kita harap Fakulti Pertanian akan ditubuhkan sesuai dengan keperluan di negeri-negeri tersebut.

Selain dari itu, Tuan Pengerusi, kita juga ingin supaya pihak Universiti Malaya pada saat ini seperti mana yang ada lanjutan dengan perkara pengkorporatisasi termasuk beberapa pelajar dari negeri Sabah dan Sarawak di mana ada pelajar-pelajar yang pada mulanya diterima untuk masuk ke Universiti Malaya tetapi memandangkan ketakutan bahawa yuran akan naik, maka mereka mengambil tindakan untuk mengambil offer dari universiti yang lain walaupun pelajar-pelajar ini adalah pelajar yang cemerlang, jadi ada. . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap tidak bersangkutan dengan perkara yang telah pun dimintakan wang iaitu RM25 juta untuk membiayai kos gantian, kelengkapan dan sebagainya. Berkenaan dengan pelajar-pelajar tidak mahu masuk dan pergi ke tempat lain, itu tidak bersangkutan, Yang Berhormat.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Pengerusi, memang dengan ada perlengkapan-perlengkapan untuk fakulti seperti Fakulti Kejuruteraan, kesemuanya ini harapan kita juga ialah untuk membolehkan kursus yang sedia ada dilaksanakan dengan kelengkapan yang mencukupi tetapi dengan peruntukan tambahan untuk kelengkapan-kelengkapan juga, harapan kita supaya jumlah pelajar dipertingkatkan dan diperbanyakkan lagi.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu sahaja sumbangan saya dalam perkara ini. Saya hanya menumpukan khusus kepada perkara mengkorporatkan Universiti Malaya kerana ada kaitan dengan pembentukan keseluruhan jentera-jentera dan keperluan universiti itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sibü.

5.40 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah untuk melaksanakan peruntukan tambahan sebanyak RM25 juta itu dan apakah langsung diperuntukkan kepada Universiti Malaya atau melalui satu agensi kerajaan tertentu untuk melaksanakan projek-projek membaiki infrastruktur Universiti Malaya?

Tuan Pengerusi, saya memberi kenyataan itu kerana tahun lepas ada satu peruntukan khas untuk membaiki bangunan-bangunan kerajaan dan sekolah-sekolah di seluruh negara kita dan saya telah menerima banyak aduan kerana kontraktor-kontraktor itu ditentukan oleh kerajaan tidak memberi khidmat dengan baik dan jujur dalam menggunakan peruntukan itu.

Saya harap peruntukan yang begitu banyak perlu digunakan dengan baik supaya kepentingan Universiti Malaya akan dijaga dengan baik supaya semua hasilnya atau nilai peruntukan ini akan digunakan dengan baik dan dengan penuh nilainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jelebu.

4.43 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya suka bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat yang lain bagi menyokong cadangan Maksud B. 26—Kementerian Pendidikan bagi menampung kos pembaikan mengganti kelengkapan pendawaian dan yang lain-lainnya ke atas Universiti Malaya.

Sebenarnya, memanglah kita memandang bahawa Universiti Malaya ini merupakan satu pusat pengajian tinggi yang ulung yang telah melahirkan ratusan dan ribuan cerdik pandai, cendekiawan dan sebagainya, kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Kementerian Pendidikan, seterusnya kepada pihak Universiti Malaya sendiri kerana telah merancang dan melaksanakan kerja-kerja yang wajar dibuat dan dilakukan bagi menjamin keselamatan pelajar-pelajar dan juga kakitangan yang ada di Universiti Malaya.

Sebagai satu pusat yang telah melahirkan ribuan siswazah dan juga cendekiawan di negara kita, seharusnya peralatan-peralatan yang diperlukan memang wajar diganti dan diperbaharui. Kedudukan dan juga jaminan keselamatan kepada bangunan-bangunan haruslah diambil kira dan saya mencadangkan supaya pihak pengurusan Universiti Malaya akan mengenal pasti lain-lain pembaikan dan keperluan untuk dibawa dan diperbaiki bagi bangunan universiti-universiti berkenaan, khususnya Fakulti Kejuruteraan, Sains, Perubatan, Pergigian dan Pusat Komputer kerana peralatan-peralatan ini juga merupakan suatu faktor untuk meningkatkan mutu dan juga semangat ingin belajar dan juga semangat untuk bekerja di kalangan kakitangan di dalam universiti berkenaan.

Jadi, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pendidikan mencari lagi sumber-sumber ataupun keperluan-keperluan yang lain, bukan hanya setakat untuk membelanjakan sebanyak RM25 juta sahaja. Saya percaya dan yakin bahawa banyak lagi

keperluan-keperluan yang harus dibawa ke universiti berkenaan

Selain daripada itu, mengenai dengan mutu kerja-kerja haruslah juga ditentukan supaya kerja-kerja pembaikan dengan perbelanjaan yang begitu besar ini akan dapat menjamin keselamatan dan juga menjamin bahawa mutu barang-barang yang telah diganti itu di dalam kandungan ataupun mutu yang baik.

Pengawasan oleh pihak JKR, saya yakin dan percaya telah dapat membantu sedikit sebanyak kerja-kerja pembaikan ini dan kita berharap supaya pihak yang mengawalselia kerja-kerja berkenaan akan dapat diberikan tumpuan yang sebenar-benarnya. Kita tidak mahu supaya kerja-kerja seperti pembaikan sekolah-sekolah yang telah dibuat baru-baru ini akan berjangkit kepada kerja-kerja pembaikan di peringkat Universiti Malaya ini kerana pihak JKR, saya percaya dan yakin bahawa mereka mempunyai kemampuan yang begitu baik dan begitu tinggi untuk menjamin bahawa kerja-kerja tersebut mengikut spec yang telah ditentukan.

Selain daripada itu, tentang pembaikan-pembaikan dan juga kerja-kerja pendawaian dan juga kerja-kerja mengecat bangunan, memang memerlukan belanja yang begitu besar. Saya amat tidak bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh pihak pembangkang bahawa RM25 juta adalah merupakan peruntukan begitu besar. Pada saya, mungkin RM25 juta tidak begitu mencukupi seandainya kita memberikan satu kualiti pembaikan yang baik kepada bangunan-bangunan yang telah memberikan banyak jasa

kepada masyarakat dan negara kita, Malaysia ini.

Jadi, saya yakin dan percaya, pihak kementerian akan memikirkan dengan lebih banyak lagi perkara-perkara yang perlu dibawa ke Universiti Malaya ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tambun.

4.47 ptg.

Tuan Haji Husni bin Hanadzlah (Tambun): Tuan Pengerusi, saya ada satu soalan sahaja. Mengenai dengan perbelanjaan tambahan ini sebanyak RM25 juta, bagaimanakah pecahan kos perbelanjaan tersebut mengikut fakulti—Fakulti Kejuruteraan, Sains, Perubatan, Pergigian dan Pusat Komputer serta berapa peratuskah kerja-kerja tersebut telah siap? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.48 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Terima kasih, Tuan Pengerusi Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam debate dan telah mengemukakan cadangan tentang perbelanjaan RM25 juta untuk memperbaiki kelengkapan-kelengkapan di Universiti Malaya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh tentang tanggungjawab selepas pengkorporatan. Izinkan saya menerangkan di sini bahawa konsep pengkorporatan ialah untuk memperbaiki tentang cara pengurusan

universiti sahaja. Selepas universiti itu dikorporatkan, kerajaan akan seterusnya bertanggungjawab tentang dasar-dasar yang penting, khususnya dari segi pembangunan, dari segi yuran dan dari segi pengambilan pelajar dan sebagainya.

Kerajaan akan terus memberi pertolongan dan memberi bantuan untuk menentukan bahawa Universiti Malaya akan terus berfungsi secara licin untuk mempertingkatkan tahap pendidikan. Dalam konteks ini, selepas universiti ini dikorporatkan, juga membolehkan universiti berfungsi sebagai satu badan supaya aset-aset universiti tersebut, termasuklah tanah dan sebagainya bolehlah digunakan, misalnya melalui kerjasama dengan korporat-korporat swasta untuk memajukan tanah-tanah tersebut. Contohnya, membina satu pusat R&D dan sebagainya yang akan membawa pendapatan kepada universiti dan pendapatan itu boleh digunakan untuk universiti tersebut dari segi pembelian kemudahan, dari segi mempertingkatkan taraf kemudahan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan persoalan tentang asrama. Siapa yang bertanggungjawab selepas universiti itu dikorporatkan? Dalam konteks ini, selepas universiti itu dikorporatkan pihak Kementerian Pendidikan akan seterusnya berbincang dengan universiti. Setiap tahun bincang dari segi keperluan universiti tersebut, dari segi keperluan dan dari segi sumbangan universiti yang ada dan dari segi keperluannya tentang bantuan dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan akan kaji; dan

kalau ada merit, kita akan memberi bantuan dari segi geran pembangunan dan sebagainya.

Secara ringkas, selepas universiti itu dikorporatkan, universiti itu ada tanggungjawab dan ada flexibility untuk mengambil keputusan tentang bagaimana geran tersebut akan digunakan, bagaimana geran tersebut boleh digunakan untuk mengendalikan kursus baru, membina asrama atau membuat apa-apa Kementerian Pendidikan akan mengkaji meritnya dan boleh kerana universiti tersebut akan lebih responsif kepada, dengan izin, market forces, jadi dalam konteks dan suasana itu, kita yakin universiti itu akan lebih memenuhi keperluan.

Memanglah Kementerian Pendidikan bercadang untuk menambah bilangan pelajar-pelajar yang akan mengikuti kursus di aliran sains termasuklah kejuruteraan, perubatan dan sebagainya dan memang itu akan memerlukan bantuan yang lebih. Oleh kerana itu, kita akan korporatkan universiti tersebut supaya ia lebih fleksibel untuk mengambil keputusan, lebih fleksibel untuk membuat cadangan dan Kementerian Pendidikan akan terus bekerjasama dengan universiti tersebut.

Ahli Yang terhormat dari Bandau telah bangkitkan tentang

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Walaupun Yang Berhormat telah berusaha untuk menjawab sebahagian daripada soalan saya, tetapi sebahagian lain misalnya siapa yang

akan menanggung perbelanjaan, misalnya dengan Fakulti Kejuruteraan ditambahkan 100% pengambilan pelajar daripada 240 orang kepada 500 orang. Kos ini akan meningkat sekali ganda dan siapa yang akan menanggung kos ini? Adakah syarikat korporat akan menanggung kos ini ataupun Kementerian Yang Berhormat?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi, saya sudah jawab ini. Dari segi keseluruhan, memang Kementerian Pendidikan akan berbincang dengan universiti tentang keperluan universiti tersebut dan sejauh mana kerajaan boleh memberi bantuan. Daripada geran yang kerajaan akan beri kepada universiti, universiti mempunyai tanggungjawab, mempunyai hak untuk membahagikan geran tersebut mengikut budi bicara universiti tersebut.

Dalam konteks ini, tentang keperluan untuk memperluaskan tempat di Fakulti Kejuruteraan misalnya, baru-baru ini Kementerian Pendidikan telah membuat keputusan, kita cadangkan kursus di universiti-universiti tempatan dipendekkan dari empat tahun ke tiga tahun tanpa menjejaskan kualiti. Kerana mengikut norma-norma antarabangnya khususnya di United Kingdom, tempoh untuk kursus kejuruteraan hanya tiga tahun dan dengan adanya keputusan tersebut; ertinya kemudahan di Universiti Malaya khasnya di Fakulti Kejuruteraan akan dengan sendirinya mengadakan lebih kemudahan untuk menampung pelajar-pelajar yang lebih. Kalau kita pendekkan kursusnya, ertinya sumber-sumber yang ada, ada lebih dan universiti itu boleh

mengambil pelajar-pelajar yang lebih. Kementerian Pendidikan seterusnya akan berbincang dengan universiti supaya kita akan tentukan kerajaan dengan kerjasama universiti memberikan pendidikan yang akan ditawarkan oleh universiti tersebut dan seterusnya akan merupakan pendidikan yang affordable kepada semua pelajar.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah membangkitkan tentang keperluan untuk mengadakan perbincangan. Memang Kementerian Pendidikan mengadakan satu dasar 'open door', dengan izin, dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan selalunya mengadakan sesi dialog dengan Naib Canselor-Naib Canselor, dengan orang-orang yang bertanggungjawab di universiti termasuklah pemimpin-pemimpin pelajar. Kita seterusnya akan mengadakan dialog-dialog seperti itu dan segala feedback yang kita dapat, kita akan ambil kita dalam konsep pengkorporatan itu, Memang

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmud: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmud: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita tahu matlamat daripada pengkorporatan universiti ini ialah untuk meringankan bebanan kerajaan atau kementerian. Tetapi kalau sudah soal macam yang diterangkan oleh pihak kementerian tadi, pihak kementerian bersedia untuk memberi apa-apa bantuan kepada pihak universiti apabila universiti itu

telah dikorporatkan. Itu bergantung atas budi bicara kemudiannya. Ini saya kira bukan untuk meringankan beban, tetapi untuk tambah beban kerajaan.

Dari segi kewangan, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian, di manakah wujudnya akan mengurangkan bebanan pihak kerajaan atau kementerian apabila universiti itu diswastakan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi, terima kasih. Tetapi saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ini tidak faham tentang konsep, jawapan saya. Maksud saya ialah, selepas universiti dikorporatkan, ia merupakan satu badan yang lebih bertanggungjawab (*more self-accounting*) dan dengan itu ia akan merupakan satu badan yang lebih responsif terhadap keperluan dan kerajaan akan seterusnya memberi pertolongan termasuk geran untuk pembangunan selepas pengkorporatan. Tetapi oleh kerana sekarang ia merupakan satu badan yang lebih bertanggungjawab, ia akan ada kuasa menggunakan geran itu mengikut keperluannya. Kalau ia rasa ada kursus-kursus tertentu contohnya lebih mengikut keperluan, universiti tersebut memang akan menggunakan geran tersebut untuk memperluaskan fakultinya. Kita harap dan yakin selepas pengkorporatan, universiti itu merupakan satu badan yang lebih responsif, lebih fleksibel dan tidak merupakan satu birokrasi yang akan menghalangnya berubah mengikut keperluan. Itulah harapan dan tujuan kita. Memang kerajaan tidak akan lari dari tanggungjawab kita untuk seterusnya memainkan tanggungjawab sosial kita iaitu menentukan bahawa

pendidikan yang ditawarkan oleh universiti itu merupakan pendidikan yang affordable, sesiapa pun boleh masuk dan tidak akan menghadapi masalah atas alasan-alasan kewangan.

Sungguhpun pada hari ini, Tuan Pengerusi, kita bincangkan tentang Universiti Malaya tetapi saya berjanji kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini, kita tidak akan lari dari tanggungjawab kita untuk menjaga universiti-universiti yang lain khasnya universiti-universiti yang baru. Di sini kita akan terus memberi perhatian yang cukup kepada universiti-universiti yang baru, khasnya Universiti Malaysia Sabah kerana Kerajaan Barisan Nasional merupakan satu kerajaan yang bertanggungjawab. Oleh kerana kita diberi mandat, kita akan penuhi, tunaikan mandat tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu telah membangkitkan tentang cara Universiti Malaya akan melaksanakan peruntukan ini. Memang peruntukan RM25 juta ini akan diberi kepada Universiti Malaya dan Universiti Malaya akan melaksanakan projeknya mengikut prosedur, mengikut cara yang ditentukan oleh kerajaan. Dalam konteks ini, kita akan tentukan bahawa projek ini akan dilaksanakan dengan licin, sempurna dan memberi manfaat kepada semua pihak.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu juga telah bangkitkan keperluan untuk kerajaan memainkan satu peranan yang lebih dari segi sokongan dan bantuan kepada Universiti Malaya. Di sini Kementerian Pendidikan bersetuju geran ini atau projek ini merupakan satu projek permulaan sahaja dan kalau Universiti Malaya ada keperluan lain, memang Kementerian Pendidikan akan memberi perhatian yang cukup.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun telah meminta tentang "breakdown" RM25 juta untuk fakulti-fakulti tertentu yang dibangkitkan. Di sini, ada maklumat ini tetapi belum ada breakdown mengikut peratusan. Saya minta izin untuk menjawab soalan tersebut melalui secara bertulis, Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM25,000,000 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM25,000,000 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P. 28 dan P. 31 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1995)—

Tuan Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kepala P.28 dan P.31 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Kepong.

6.02 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Maksud P. 28 itu ada menyebutkan mengenai Lembaga Pembangunan Langkawi dan lebih RM188 juta ialah untuk membiayai berbagai-bagai projek dalam Rancangan Malaysia Keenam, sesuai dengan hasrat kerajaan menjadikan Langkawi sebagai pusat pelancongan. Saya pun suka kepada Langkawi sebagai pusat pelancongan dan dari semasa ke semasa saya ada pergi ke Langkawi. Walau bagaimanapun, daripada hujah Yang Berhormat Timbalan

Menteri semalam, saya tidak nampak dia menyebutkan projek-projek raksasa ini di dalam pembangunan Rancangan Malaysia Keenam untuk Langkawi.

Tuan Pengerusi, saya ada nampak bila saya berada di Langkawi awal tahun ini, projek-projek yang disiapkan terutamanya hotel-hotel moden. Saya seronok juga nampak begitu banyak hotel kerana tempahan itu susah hendak dapat bilik-bilik hotel ini, kadangkala dua tiga bulan sebelum kita pergi pun susah hendak dapat. Ini adalah satu tanda yang baik juga menunjukkan ramai orang hendak pergi dan pelbagai projek pun diadakan untuk menampung keperluannya.

Tuan Pengerusi, mengenai projek untuk memperlebarkan lapangan terbang di Langkawi. Saya nampak ada usaha untuk memperluaskan. Bolehkah yang Berhormat menerangkan setakat mana kita dapat mempertingkatkan lapangan terbang di Langkawi? Kita mesti tingkatan lapangan terbang itu kerana saya nampak Boeing 747 tidak dapat mendarat kerana runway tidak cukup. Bilakah projek untuk memperbesarkan lapangan terbang ini dapat dipersiapkan terutamanya untuk pelbagai pameran yang akan terus diadakan di Pulau Langkawi?

Tuan Pengerusi, mengenai alam sekitar dengan adanya projek-projek dengan begitu banyak memang akan menjejaskan alam sekitar. Saya pun ada pernah membincangkan masalah projek-projek ini menanya bekas Menteri Pertanian yang sekarang Ahli Dewan Undangan Negeri Langkawi. Saya nampak pencemaran mula menjadi serius di kawasan itu kerana lebih ramai pelancong dan lebih banyak projek, ini bermakna kita mesti

menjaga alam sekitar. Walaupun bila nelayan dapat hasil laut dan harganya mahal, tetapi tidak banyaklah hendak teruskan dengan kerja sebagai nelayan kerana ada kerja yang lain yang lebih lumayan pendapatannya. Apakah langkah yang diambil untuk menjaga alam sekitar? Kita tak mahu pulau-pulau yang indah itu tercemar dan kita mesti jaga dengan baik.

Saya pun ada dengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dia sering pergi ke situ dan dia ada tekankan bahawa kita perlu menjaga alam semula jadi yang terdapat di Pulau Langkawi. Apakah langkah-langkah yang telahpun diambil oleh pihak kerajaan untuk memelihara alam sekitar ini di dalam usaha untuk projek-projek tersebut? Ini pun termasuk ada kilang simen di situ Kedah Cement, mungkin satu cadangan. Walaupun sekarang kita tidak dapat buat kerana simen kurang, kita memerlukan banyak simen dan kita tak boleh mengganggu pihak Kedah Cement di situ. Tetapi mungkin pada masa hadapan kilang ini dipindahkan ke kawasan yang lain.

Saya percaya banyak lagi kawasan batu limestone di Kedah yang boleh dijadikan tapak kilang simen dan perlulah bagi pihak kerajaan untuk mempertimbangkan cadangan bagi memindahkan kilang simen ini dari Langkawi. Kita hendak jadikan pulau itu pulau yang indah, yang benar-benar sebagai pulau untuk pelancong. Kalau ada kilang simen di situ, macam manakah kita dapat jaga alam sekitar? Mungkin pada masa lampau Kerajaan Negeri Kedah tidak begitu prihatin kepada alam sekitar sehingga membenarkan kilang simen diadakan di pulau tersebut.

Tuan Pengerusi, mengenai penubuhan Syarikat Harta dan Tanah Sdn. Bhd. yang memerlukan peruntukan tambahan sebanyak lebih RM193 juta ini, bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah tujuan untuk mengadakan Syarikat Harta dan Tanah Sdn. Bhd. di bawah Kementerian Kewangan? Saya pun ada pernah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai syarikat-syarikat yang telah pun ditubuhkan oleh pihak Kementerian Kewangan. Mengapa pihak kementerian hendak menubuhkan syarikat untuk harta dan tanah? Adakah pihak kementerian itu sekarang lebih berminat untuk bersaing di dalam bidang hartanah di dalam negara ini? Kalau begitu memang saya percaya pihak Kementerian Kewangan akan berjaya kerana modal yang begitu besar. Walau bagaimanapun, saya berharap pihak kementerian dapat menjawab soalan saya. Ada satu perkara lagi mengenai Maksud P.31.

Tuan Pengerusi, dengan adanya tambahan peruntukan hampir RM27 juta untuk membiayai bayaran kemajuan pembinaan kompleks pejabat dan rumah-rumah kediaman Jabatan Kastam dan Eksais di seluruh negara. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan dengan lebih terperinci kerana ini di seluruh negara, mungkin di Johor Bahru sahaja atau di Pulau Langkawi ataupun di Pulau Pinang. Dengan adanya lebih banyak kompleks pejabat dan rumah-rumah kediaman bagi anggota-anggota Jabatan Kastam dan Eksais ini, kita berharaplah prestasi mereka akan meningkat. Saya setuju ada setengah-setengahnya tidak dapat rumah kediaman yang baik, tetapi kita meminta lebih banyak peruntukan untuk memperbaiki keadaan. Keadaan

ini mesti diperbaiki, Tuan Pengerusi, saya tidak manafikan. Walau bagaimanapun, setelah memperbaiki keadaan pihak anggota mestilah meningkatkan prestasinya terutamanya di dalam usaha untuk mencegah penyeludupan, termasuk rokok kretek (Gurang Garam). . .

Seorang Ahli: Gudang Garam!

Dr. Tan Seng Giaw: Gudang Garam yang bernilai berjuta-juta ringgit cukai dielakkan oleh pihak penyeludup, yang merupakan satu sindiket untuk mengelak daripada ditangkap oleh pihak Kastam dan Eksais, kerana mereka mungkin mempunyai bot yang lebih laju dan sebagainya untuk mengelakkan kawalan daripada jabatan tersebut. Dengan adanya keadaan yang lebih selesa, kita berharap semua kegiatan seperti ini dapat dicegah dengan lebih berkesan oleh jabatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

6.13 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa.

Saya ingin menjawab mengenai projek-projek yang telah disebutkan, yang juga telah disetujui iaitu hasrat kerajaan hendak menjadikan Pulau Langkawi ini sebagai satu pusat pelancongan, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasihlah.

Izinkan saya juga untuk mengambil kesempatan ini supaya dapat saya jelaskan beberapa projek yang terlibat dalam peruntukan ini.

Yang pertama ialah Taman Lagenda. Ini melibatkan satu konsep iaitu kita dapat menyediakan satu tempat destinasi pelancongan, di mana ia merangkumi konsep, unsur-unsur lagenda Langkawi seperti Makam Mahsuri, Telaga Tujuh, Telaga Air Hangat, Telaga Generasi dan Gunung Mak Cincang. Ini merupakan satu projek seni taman seluas 37 ekar dan dijangka pada hujung tahun ini projek ini akan siap dan kos pada keseluruhannya ialah lebih kurang RM41 juta.

Yang kedua, ialah satu projek dinamakan Dermaga Tanjong Lombong. Kita harap dapat membinakan satu dermaga untuk menampung keperluan segera bagi mengendalikan kargo domestik di Langkawi serta membolehkan kapal-kapal cruise berlabuh, di mana kita dapat memendekkan masa dan meningkatkan kadar kapal-kapal yang membawa kargo domestik. Ini akan mengurangkan kos pengendalian, dan ianya dapat mengurangkan kos daripada masa yang diambil pada masa ini. Kos untuk menyempurnakan projek ini ialah sebanyak RM80 juta dan dijangka siap pada tahun 1997.

Projek yang berikut ialah penempatan semula perusahaan ikan bilis di Kisa. Projek ini ialah untuk menyediakan kemudahan untuk aktiviti perusahaan ikan bilis dan pendaratan bot-bot nelayan pada lokasi yang tersusun dan sesuai. Projek ini akan menempatkan semua perusahaan ikan bilis yang pada masa ini bertempat

di Bukit Malur. Dengan ini kemudahan dapat disalurkan dengan lebih teratur dan sistematik dan dijangkakan projek ini akan siap pada tahun 1997.

Yang berikut ialah satu projek yang melibatkan pembelian rumah kakitangan. Matlamat ini ialah untuk menyediakan tempat kediaman yang selesa dan mencukupi bagi semua kakitangan Kerajaan Persekutuan yang bertugas di Langkawi. Diharap rumah yang dibeli atau dibina ini akan mengurangkan masalah tempat kediaman bagi pegawai kerajaan, memandangkan kos tempat kediaman yang tinggi di Langkawi. Lokasi projek ini ialah di Batu Asah dan Pekan Kuah, Langkawi dan dijangka projek ini dijangka siap pada tahun 1996.

Mengenai sama ada lapangan terbang akan ditingkatkan sehingga kapal terbang B747 boleh mendarat di sana. Sukacita saya maklumkan setakat ini belum ada cadangan lagi untuk menjadikan. . . .

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar beberapa bulan yang lepas, saya pergi ke Langkawi, saya nampak sebahagian jalan ke lapangan terbang ditutup dan ada projek-projek termasuk menambak laut. Saya tanya penduduk di situ apakah projek ini? Dia kata "untuk lapangan terbang". Kalau itulah siasatan saya sendiri dan dapat jawapannya, mengapa pihak kementerian tidak tahu, sama ada projek lapangan terbang itu dilaksanakan. Inilah yang saya merasa hairan.

Dato' Wong See Wah: Mengapa hendak jump the queue? Berilah saya habis dahulu.

Sukacita saya maklumkan, iaitu setakat ini kita belum ada rancangan untuk membuat satu lapangan terbang bagi kapal terbang B747 mendarat. Cadangan sekarang ialah hendak mengambil tanah untuk pembangunan pada masa akan datang. Ini melibatkan pembelian, pengambilan balik tanah di sekitar Lapangan Terbang Langkawi seluas lebih kurang 110 ekar, Ini menelan perbelanjaan lebih kurang RM24 juta.

Tuan Pengerusi, sukacita saya memaklumkan juga kepada Ahli Yang Berhormat, sebagai satu langkah untuk kita menyelesaikan, untuk membuat persiapan dari segi pencemaran iaitu kita menjalankan proses saliran Langkawi. Ini adalah untuk menyediakan kemudahan sistem saliran bagi mengatasi banjir dan masalah sistem saliran yang lain, juga untuk memelihara dan mengindahkan sungai sebagai daya tarikan untuk pelancong, sebagai satu usaha untuk meningkatkan lagi keadaan di Langkawi. Di antara usahanya ialah untuk meningkatkan usaha bagi mengatasi masalah hakisan pantai supaya dapat dijalankan kerja-kerja dan untuk mengelakkan hakisan tanah berlaku di pantai-pantai di Pulau Langkawi itu. Ini menelan perbelanjaan sebanyak RM10.26 juta dan projek-projek mungkin juga akan disambung pada Rancangan Malaysia Ketujuh.

Antara projek-projek yang lain yang perlu disebutkan ialah jalan dual carriageway di Pekan Kuah dan dijangka akan siap pada tahun ini dan

menelan perbelanjaan RM12.5 juta dan projek Kompleks Sukan Langkawi juga dijalankan dan dijangka siap pada tahun ini. Antara kemudahan-kemudahan yang akan disiapkan itu ialah padang bola sepak, hoki, ragbi, kompleks kolam renang, kompleks stadium, kompleks hostel, chalets serta surau. Ada juga beberapa projek yang perlu saya sebutkan ialah kompleks Pejabat LADA di mana ianya akan menempatkan semua jabatan-jabatan persekutuan di bawah satu bumbung dan diharap dapat kita kumpulkan semua pejabat-pejabat itu dan untuk semua jabatan-jabatan di peringkat persekutuan.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana telah menimbulkan suatu masalah mengenai mengapa kerajaan hendak membeli tanah. Sukacita saya maklumkan, tujuan untuk kita membeli tanah ini ialah untuk suatu projek yang kita namakan sebagai satu projek bangunan persekutuan fasa 3. Selama ini di Bandar Kuching telah disiapkan bangunan fasa 1 dan bangunan fasa 2 untuk menampung pejabat-pejabat dan jabatan-jabatan persekutuan tetapi didapati semua ini telah menghadapi masalah kekurangan ruang dan sebidang tanah telah dicadangkan oleh Kerajaan Sarawak dan ini adalah supaya dapat kita membeli tanah ini untuk menjalankan projek bangunan persekutuan fasa 3 untuk kita menjimatkan perbelanjaan yang setakat ini telah dibelanjakan sebanyak RM1/2 juta setiap tahun untuk sewaan ruang pejabat disekitar Bandar Kuching.

Saya juga mengucapkan terima kasih kerana sokongan yang diberikan

kepada peruntukan yang dipohon untuk Jabatan Kastam khasnya untuk membina Pejabat Kastam dan rumah kakitangan kastam. Pandangan mengenai prestasi kastam ini, sukacita saya maklumkan bahawa setakat ini telah dijalankan satu kajian di Pasir Gudang di mana telah dibuktikan pihak kastam adalah satu jabatan di mana prestasi dan kecekapannya adalah amat tinggi sekali berbanding dengan agensi-agensinya yang lain termasuk pihak swasta di mana didapati pihak swasta tidak dapat mengejar dengan efficiency yang telah ditunjukkan oleh pihak kastam untuk kita mempercepatkan proses mengendalikan barangan keluar ataupun masuk ke dalam negeri ini.

Mengenai rokok "Gudang Garam"—ini ialah satu barangan yang didapati diseludup dengan kadar yang paling banyak sekali. Antara sebabnya ialah oleh kerana coastal line kita memang bersempadan dengan negeri jiran kita yang mengeluarkan rokok ini. Yang kedua, oleh kerana cukai yang dikenakan atas rokok ini adalah tinggi disebabkan beratnya lebih tinggi daripada rokok biasa kerana telah dicampur dengan bahan-bahan yang berlainan daripada rokok putih. Jadi, itulah satu sebabnya yang telah menjadi sebab utama di mana difikirkan bagi menguntungkan dengan cara menyeludup rokok Gudang Garam ini dan pihak kastam sentiasa cuba, supaya kita dapat mengelak atau menangkap kegiatan-kegiatan seumpama ini.

Dengan itu saya mengucapkan terima kasih. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM193,316,990

untuk Maksud P.28 dan RM26,800,000 untuk Maksud P.31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Kewangan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM193,316,990 untuk Maksud P.28 dan RM26,800,000 untuk Maksud P.31 diluluskan bagi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1995.

Maksud B.34 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Tambun.

6.25 ptg.

Tuan Haji Husni bin Hanadzlah (Tambun): Tuan pengerusi, Maksud B.34, saya ada dua perkara yang ringkas. Ia menyentuh tentang bayaran perbelanjaan rawatan pesakit miskin di Institut Jantung Negara. Saya ingin menyentuh tentang prosedur untuk mendapatkan rawatan percuma.

Pada awal tahun ini ada satu kes seorang suami-isteri yang mempunyai seorang anak kecil yang memerlukan rawatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. Setelah sebulan beliau cuba mendapatkan rawatan secara percuma, akhirnya anak beliau dapat diterima mendapat rawatan secara percuma. Tetapi malangnya, oleh kerana terlewat anaknya meninggal selepas itu. Jadi, saya ingin mengesyorkan bahawa prosedur untuk mendapatkan rawatan secara percuma ini mestilah diringkaskan dan tidak mengambil masa yang panjang.

Perkara kedua ialah mengenai placement pesakit. Ada satu kes, pesakit mendapat rawatan di Hospital Besar, Ipoh. Saya menjangkakan sepatutnya dia mendapat rawatan sama ada di Hospital Besar Kuala Lumpur atau di Institut Jantung Negara. Tetapi dalam kes ini beliau ditempatkan di Hospital Universiti dan malangnya oleh kerana di Hospital Universiti hanya ada seorang pakar, beliau dihantar ke Subang Jaya Medical Centre untuk membuat ballooning. Beliau juga meninggal kerana kesilapan prosedur menjalankan rawatan tersebut dan di samping itu, terpaksa membayar kos yang begitu tinggi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena. Yang terhormat ada seminit sahaja lagi.

6.29 ptg.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Pokok Sena): Esok boleh sambung, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Boleh, boleh.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, terima kasih. Seminit pun saya ingat sudah cukup. *(Ketawa)* Pertama sekali saya hendak sambung kisah yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun tadi iaitu tentang cara-cara orang miskin mendapatkan rawatan. Sebab saya lihat masih banyak lagi kes orang miskin yang tidak mendapat peluang untuk mendapatkan rawatan percuma ini. Kita selalu dengar ada 'teleton', 'walkaton', 'jogaton' dan macam-macam 'ton' mengutip duit berjuta-juta tetapi masih juga memerlukan bantuan. Saya hendak tahu di manakah duit-duit 'ton' ini pergi?

Lagi satu saya ingin tahu sama ada pendatang-pendatang haram ini juga berpeluang mendapat rawatan percuma di IJN ini; sebab saya rasa kalau mereka ini pun dapat, bukan kita tidak hendak, tetapi saya rasa, macam di tempat-tempat lain seperti di hospital-hospital bersalin sekarang ini penuh dengan puak-puak ini. *(Ketawa)* Jadi, saya takut Institut Jantung Negara pun begitu juga. Sudah cukup masa, Tuan Pengerusi? *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi: Esok sambung, Yang Berhormat. Minta sambung esok.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Esok lagi penjanglah. *(Ketawa)*

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peraturan 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Kadar Faedah Atas Pinjaman Untuk Kereta Proton

6.30 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara

mestilah mengarahkan semua syarikat kewangan mengembalikan kelebihan kadar faedah 2% daripada kadar pasaran kepada peminjam kereta-kereta Proton. Adalah dikesali Edaran Otomobil Nasional Bhd. (EON) enggan menurunkan kadar faedah pinjaman sebanyak 8% kepada kadar pasaran sebanyak 6% tetapi sekadar 7% sahaja. Lagi pun penurunan kadar faedah hanya untuk peminjam baru dan tidak akan dinikmati oleh peminjam sebelum itu.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada justifikasi langsung mengapa EON berhak mengenakan kadar faedah yang lebih tinggi bila kereta lain boleh dikenakan kadar pinjaman yang lebih rendah. Sukar diterima penjelasan EON bahawa kadar faedah pinjaman diturunkan kepada 7% dan bukan kepada kadar pasaran 6% disebabkan oleh kos pentadbiran EON Bhd. dan kos tabungan semasa syarikat kewangan. Ini adalah kerana kadar faedah pinjaman yang dikenakan oleh syarikat kewangan untuk kereta-kereta baru selain daripada Proton hanya 6%.

Tidak ada justifikasi ekonomi mengapa kereta-kereta bukan Proton boleh menikmati kadar pinjaman 6% dan bukan 7% sungguhpun mereka juga menghadapi kos-kos tabungan yang sama. Sepatutnya, EON Bhd. boleh mengenakan kadar pinjaman yang lebih rendah daripada 6% kerana kedudukan monopolinya dalam pasaran kereta dalam negara dan jumlah besar kereta yang dijual membolehkan menikmati kos rendah serta, dengan izin, economy of scale.

Jelas sekali keengganan EON menurunkan kadar faedah pinjaman kepada 6% adalah kerana EON mahu

terus menikmati komisen 1% kadar faedah pinjaman. Adalah tidak beretika EON boleh terus untung menerusi cara ini sedangkan kereta jenis lain buat demikian. Kalau begitu, apakah gunanya kita berbangga-bangga dengan kereta nasional sendiri?

Komisen 1% ini juga dipakai ke atas syarikat kewangan yang lain. Sebagai contoh, Public Finance di Jalan Ampang mengenakan kadar faedah 8% untuk pinjaman kereta baru Proton. Kadar pinjaman setakat 8% ini adalah dikenakan kerana Public Finance dikenakan membayar komisen 1.5% kepada EON. Ini adalah sungguh tidak adil. Sama juga dengan KBB yang mengenakan kadar faedah 8% sungguhpun kadar pasaran 6%, kerana juga dikenakan bayar komisen 1% hingga 2% kepada EON Bhd.

EON Bhd. sebaliknya harus menggunakan kuasa monopoli yang diberikan oleh kerajaan untuk memanfaatkan rakyat dengan memberikan manfaat baik dalam bentuk kadar faedah pinjaman atau harga kereta yang lebih rendah. Justeru itu, penurunan 1% dan bukan 2% tidak mencukupi dan tidak dapat memenuhi keperluan keadilan untuk para pengguna memandangkan kereta lama boleh dipinjam dengan kadar lebih rendah.

Saya tidak menentang amalan dalam industri kereta pengedar mendapat perolehan daripada pinjaman sewa beli kereta, insurans dan penjualan aksesori. Akan tetapi, kos ini tidak seharusnya ditanggung oleh pengguna, tetapi sebaliknya ditanggung oleh syarikat kewangan, insurans dan lain-lain memandangkan mereka menikmati keuntungan besar berbilion-bilion juta ringgit setiap tahun.

Jika kesemuanya ditanggung oleh pengguna, ia hanya akan membebaskan rakyat serta menyusahkan kempen kerajaan mencapai inflasi sifar. Justeru itu, kadar faedah perlu diturunkan kepada 6% dan bukan setakat 7% sahaja. Adalah wajar dan adil juga peminjam yang terpaksa meminjam dengan kadar faedah 8% sebelum 4hb Ogos, ini dipulangkan perbezaan kadar faedah 2% oleh syarikat kewangan.

Perbezaan 2% ini adalah sangat besar. Contohnya untuk pinjaman sebanyak RM40,000 dengan kadar faedah 8% setahun sepanjang 5 tahun, jumlah faedah yang perlu dibayar adalah RM16,000. Kalau kadar faedah adalah 6%, pengguna hanya perlu membayar jumlah faedah sebanyak RM12,000 atau pinjiman dan perbezaan besar sebanyak RM4,000.

Tindakan tidak beretika EON Bhd. berpakat dengan syarikat kewangan dengan mengenakan kadar faedah sebanyak 7%, 1% lebih daripada kadar faedah pasaran, agar dapat menguntungkan komisen 1% mestilah diberhentikan dengan segera. Hanya dengan memulangkan lebihan kadar faedah sebanyak 2%, barulah hak pengguna dapat dibela dan erti tindakan tegas ke atas syarikat kewangan yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mempunyai makna yang penuh. Lagi pun, ia akan memastikan syarikat kewangan tidak berani lagi mengambil kesempatan mengenakan kadar faedah tidak munasabah ke atas pembeli kereta. Sekian, terima kasih.

6.36 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat dari Kota Melaka sedia maklum, kadar faedah pinjaman untuk kereta Proton telah diturunkan daripada 8% setahun kepada 7% setahun berkuatkuasa 4hb Ogos, 1995. Pengenaan kadar faedah ke atas sesuatu pinjaman adalah bergantung kepada trend kadar faedah semasa dan juga mengikut perhitungan perniagaan, dengan izin, business decision.

Berhubung dakwaan Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa EON Bhd. telah berpakat dengan syarikat kewangan adalah tidak berasas. Ini disebabkan perjanjian sewa beli yang telah dimeteraikan pada kadar faedah 8% setahun yang terdahulu adalah di bawah paras maksimum 10% setahun yang dibenarkan di dalam Akta Sewa Beli 1967.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak, Yang Berhormat.

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Masa suntuk.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Memandangkan perjanjian sewa beli telah ditandatangani di antara syarikat kewangan dengan peminjam dan ianya mengikut Akta Sewa Beli 1967, adalah tidak wajar bagi pihak kerajaan memaksa syarikat kewangan untuk

memulangkan perbezaan 2% kepada semua peminjam kereta Proton. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada usul tadi, mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.38 petang.